

KANDUNGAN

1	١- أحكام الزكاة
12	٢- زكاة الفطر
13	٣- قسم الصدقات
15	٤- أحكام النكاح
25	٥- الصداق
27	٦- الوليمة
29	٧- القسم والنشوز
32	٨- الخلع
34	٩- الطلاق
38	١٠- الرجعة

الفقه

(للسنة الثالثة)

FEKAH

(TING. 3)

Zakat

Pengertian zakat

Dari sudut **bahasa**: Subur dan bertambah.

Dari sudut **Syarak**: Nama bagi harta tertentu yang diambil dari harta tertentu, atau dari seseorang dengan cara tertentu yang akan diagihkan kepada golongan tertentu.

Zakat ialah Harta yang diambil daripada sebahagian harta orang kaya atau dari seseorang (zakat fitrah) dan diberikan kepada golongan fakir dan seumpamanya seperti firman Allah swt:

“*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana*”. Surah at Taubah : ayat 60.

Hukum Zakat adalah Wajib.

Dalilnya:

1- Firman Allah swt: “ *dan berilah zakat*” surah al Haj : ayat 78

2- Firman Allah swt: “ *Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui*”. Surat at Taubah : ayat 103

3- Sabda Nabi saw: “*Islam dibina di atas lima rukun iaitu bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah, mendirikan solat mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadhan*”. (Bukhari dan Muslim)

Para ulamak sepakat mengatakan wajibnya zakat berdasarkan dalil di atas.

أحكام الزكاة

تعريف الزكاة:

لغة : النماء والزيادة ،

شرعا : اسم لمالٍ مخصوص يؤخذ من مال مخصوص ، أو عن بدن على وجه مخصوص يصرف لطائفة مخصوصة .

* الزكاة: هي المال الذي يؤخذ من بعض أموال الأغنياء أو عن أبدانهم ويعطي للفقراء ومن ذكّر معهم في قوله تعالى : ﴿وَإِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾ سورة التوبة: ٦٠

حكمها: الوجوب

الدليل على مشروعية الزكاة:

١- قوله تعالى : ﴿وَعَاتُوا الزَّكَاةَ﴾ سورة الحج : ٧٨

٢- قوله تعالى : ﴿خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ﴾ سورة التوبة : ١٠٣

٣- قوله ﷺ : « *بني الإسلام على خمس: شهادة أن لا إله إلا الله ، وأن محمدا رسول الله ، وإقام الصلاة ، وإيتاء الزكاة ، والحج و الصوم رمضان* » رواه البخاري ومسلم.

والإجماع المستند لما تقدم .

Hikmah pensyariatan Zakat

Disyariatkan zakat :

- 1- untuk menjaga harta, kerana Allah swt akan memberkati harta yang dikeluarkan zakatnya. Begitu juga golongan fakir dan yang memerlukan akan memelihara harta orang yang mengeluarkan zakat dan melindunginya daripada tangan-tangan penjenayah, kerana mereka berkongsi pada harta tersebut.
- 2- Zakat juga dapat mendidik jiwa, kerana zakat akan menyuburkan perasaan cinta kepada kebaikan dan ketaatan dalam diri pemberi zakat. Ianya juga dapat menyucikan dirinya daripada sifat kedekut dan bakhil yang mana kedua-duasifat ini adalah adat yang buruk.
- 3- Zakat dapat memelihara masyarakat, kerana zakat dapat membantu golongan emah dan memerlukan yang mana mereka adalah sebahagian daripada masyarakat.

Oleh itu zakat merupakan factor penting daripada faktor Saling melengkapi di kalangan anggota masyarakat, dim mana golongan kaya kasih kepada golongan miskin dengan menghulurkan hartanya dan memenuhi keperluan mereka dengan kebbaikannya, seterusnya semua anggota masyarakat akan hidup di bawah langit yang diterangi matahari dengan kasih sayang, kebahagiaan dan salin membantu kepada kebaikan dalam setiap aspek kehidupan.

حكمة مشروعيتها :

شرعت الزكاة :

- ١- حفظا للمال ؛ لأن الله تبارك وتعالى يبارك ذلك المال الذي أدت زكاته ، كما أن الفقراء والمحتاجين يحافظون على مال المزكي ويجرسونه من الأيدي الخائنة ، لأنهم شركاء فيه ،
 - ٢- وتحذيرا للنفس ؛ لأن الزكاة تُنمّي في باذنها حب الخير والطاعات وتطهره من الشح والبخل اللذين هما أقبح العادات ،
 - ٣- وحفاظا على المجتمع لأن فيها إعانة للضعفاء وذوي الحاجات الذين هم من أبناء المجتمع ؛
- بذلك تعد عاملا مهما من عوامل التكافل الاجتماعي حيث يعطف الغني على الفقير فيعطيه من ماله ، ويواسيه بمعرفه فيعيش الجميع تحت سماء شمسها مشرقة بالحب والسعادة والتعاون على الخير في كل مجال من مجالات الحياة .

Perkara yang diwajibkan zakat

Zakat diwajibkan pada 5 perkara:

- 1- Binatang ternakan
- 2- Dua perkara yang bernilai (Emas dan Perak)
- 3- Tanaman (Makanan asasi)
- 4- Buah-buahan (Tamar dan Anggur)

Binatang ternakan:

Diwajibkan zakat pada tiga jenis

- 1- Unta 2- Lembu 3- Kambing

Tidak diwajibkan zakat pada kuda, hamba, binatang kacukan antara kambing dan rusa

Syarat wajib zakat pada binatang ternakan ini

Syarat wajib zakat pada binatang ternakan ini ada 6 perkara:

- 1- **Islam**
 - Tidak wajib zakat pada orang kafir asal, manakala orang murtad - pendapat yang sah: hartanya ditahan. sekiranya ia kembali kepada Islam maka wajib zakat ke atasnya dan sekiranya ia kekal dalam keadaan kafir maka tidak wajib zakat.
- 2- **Merdeka,**
 - tidak wajib zakat ke atas hamba. Hamba muba'ad maka wajib zakat pada harta yang dimilikinya dalam keadaan sebahagian dirinya yang merdeka.
- 3- **Milik sempurna.**
 - Tidak wajib zakat pada harta yang tidak dimilikinya seperti sesuatu perkara harus yang diwakafkan tanpa ditentukan. Juga tidak wajib zakat pada harta yang dimiliki secara pemilikan yang lemah seperti pemilikan hamba mukatab bagi apa yang diusahakannya ketika menjadi hamba mukatab.
- 4- **Cukup nisab**
 - iaitu harta itu sampai had yang diwajibkan zakat, sekiranya kurang maka tidak wajib zakat.
- 5- **Cukup tempoh setahun**
 - iaitu nisab itu melalui tempoh genap setahun, , sekiranya kurang dari tempoh setahun maka tidak wajib zakat.
- 6- **Peliharaan di padang ragut**
 - iaitu dipelihara di tempat pemeliharaan yang harus dengan digembalakan oleh tuannya atau wakilnya. Sekiranya ternakan itu diberi makan sekadar dapat hidup tanpa kemudharten yang jelas dan tidak bertujuan memutuskan pemeliharannya secara meragut rumput di padang ragut, maka wajib zakatnya. jika tidak sedemikian maka tidak wajib zakat.

ما تجب فيه الزكاة

والزكاة تجب في خمسة أشياء هي : المواشي ، والأثمان ، والزروع ، والثمار ، وعروض التجارة .

فأما المواشي فتجب الزكاة في ثلاثة أنواع منها هي : الإبل، والبقر ، والغنم ، فلا تجب في الخيل والرقيق والمتولد بين غنم وظباء مثلاً .

شروط وجوب الزكاة فيها

وشرائط وجوب الزكاة فيها ستة أشياء :

١ . الإسلام .

- فلا تجب على كافر أصلي، أما المرتد فالصحيح أن ماله موقوف ، فإن عاد إلى الإسلام وجبت عليه وإلا فلا .

٢ . الحرية .

فلا زكاة على رقيق ، وأما المبعوض فتجب الزكاة فيما ملكه ببعضه الحر .

٣ . الملك التام .

فلا زكاة في غير المملوك كالأشياء المباحة الموقوفة على غير معين ولا فيما ملك ملكاً ضعيفاً كملك المكاتب لما اكتسبه حال كتابته .

٤ . النصاب هو : أن يبلغ المال الذي تجب فيه الزكاة نصاباً ، فإن نقص فلا زكاة .

٥ . الحول هو : أن يمر على ملك النصاب عام كامل فإن نقص العام فلا زكاة .

٦ . السوم أي الرعي في مرعي مباح بإسامة صاحبه أو نائبه ، فإن علفت الماشية معظم الحول فلا زكاة فيها ، وإن علفت قدراً تعيش بدونه بلا ضرر بين ولم يقصد به قطع السوم وجبت زكاتها وإلا فلا .

Benda yang berharga ada dua perkara: Emas dan Perak, sama ada ianya ditempa atau belum ditempa.

Syarat wajib zakat pada kedua-dua benda ini ada 5 perkara:

- 1- Islam
- 2- Merdeka
- 3- Milik sempurna
- 4- Cukup Nisab
- 5- Genap setahun

Tanaman : wajib zakat padanya dengan 6 syarat:

- 1- Islam
- 2- Merdeka
- 3- Milik sempurna

Tanaman itu adalah tanaman yang biasa diusahakan oleh manusia. Sekiranya tanaman itu tumbuh dengan sendiri yang berbeza dengan perkara tersebut maka tidak wajib zakat kecuali ada orang yang mengusahakan pada awalnya. Sekiranya tanaman itu tumbuh sendiri maka tidak dikenakan zakat.

Tanaman itu adalah jenis makanan asasi yang boleh disimpan seperti gandum, gandum barli, kacang adas, beras dan lain-lain yang menjadi makanan asasi dalam keadaan biasa. Sekiranya tanaman selain ini seperti tanaman cumin dan buah apricot, maka tidak dikenakan zakat padanya.

Tanaman itu cukup nisab iaitu 5 Ausuq tanpa kulit iaitu $4 \frac{1}{6}$ Aradib mengikut timbangan Mesir.

- 1 wasaq = 60 gantang Madinah
- 5 Ausuq = 363 gantang Malaysia – mengikut pendapat Abdullah Basmeh
- 5 Ausuq = 653kg - mengikut pendapat Abdullah Nasih Ulwan
- Aradib ialah timbangan besar yang menyamai 24 Sha' (gantang)

وأما الأثمان فشيئان : الذهب والفضة مضروبين كانا أو غير مضروبين.

وشروط وجوب الزكاة فيهما : خمسة أشياء :

- ١ - الإسلام.
- ٢ - الحرية
- ٣ - الملك التام.
- ٤ - النصاب.
- ٥ - الحول.

وأما الزروع : فتجب الزكاة فيها بستة شرائط :

- ١ - الإسلام.
- ٢ - الحرية.
- ٣ - الملك التام .

أن يكون الزرع من الأشياء التي جرت العادة أن يتولى الآدميون زراعتها وإن نبتت بنفسها بخلاف ما ليس كذلك فلا تجب الزكاة فيه إلا أن بوشرت زراعته ، فإن نبت بنفسه فلا زكاة فيه .

أن يكون قوتاً صالحاً للادخار كالحنطة والشعير والعدس والأرز وغيرهما من كل ما يقتات اختيара ، فلو كان غير ذلك كالكمون والمشمش فلا زكاة فيه .

أن يكون نصاباً وهو خمسة أوسق لا قشر عليها وهي أربعة أرادب وسدس بالكيل المصرى .

Buah-buahan:

Wajib zakat pada dua jenis buahan iaitu buah tamar dan anggur

Syarat wajib zakat padanya ada 4 perkara:

- 1- Islam
- 2- Merdeka
- 3- Milik sempurna
- 4- Cukup Nisab

Apabila kurang salah satu syarat tersebut maka tidak diwajibkan zakat.

Barangan perniagaan:

Wajib zakat pada barangan perniagaan mengikut syarat wajib zakat sebelum ini.

- | | | |
|----------------|------------------|-------------------|
| 1- Islam | 2- Merdeka | 3- Milik sempurna |
| 4- Cukup Nisab | 5- Genap setahun | |

Emas dan Perak serta barangan perniagaan adalah bagi pengubahan pada harta yang dimiliki dengan pertukaran tertentu untuk tujuan keuntungan beserta niatnya ketika setiap urusan dimulakan.

وأما الثمار : فتجب الزكاة في شيئين فيها (ثمرة النخل وثمره العنب) وشرايط وجوب الزكاة فيها أربع خصال :

- | | |
|--------------|-----------------|
| ٢ - الحرية | ١ - الإسلام |
| ٤ - النصاب . | ٣ - الملك التام |

فإذا انتقص شرط من ذلك فلا وجوب.

وأما عروض التجارة : فتجب الزكاة فيها بالشرايط المذكورة سابقا.

الأثمان والتجارة للتقليب في المال المملوك بمعاوضة لغرض الربح مع نيتها عند كل تصرف ابتداء .

Fasal

Kadar nisab unta dan perkara yang wajib padanya

Nisab unta pertama kali ialah 5 ekor, zakatnya seekor kambing jantan atau betina. iaitu (جذعة) (ضأن) kambing yang berusia setahun dan hampir masuk ke usia 2 tahun atau (ثنية) (بنت لبون) biri-biri yang berusia 2 tahun dan hampir masuk ke usia 3 tahun

10 ekor unta (10 -14 ekor),	zakatnya 2 ekor kambing biri-biri
15 ekor unta (15 -19 ekor),	zakatnya 3 ekor kambing biri-biri
20 ekor unta (20 -24 ekor),	zakatnya 4 ekor kambing biri-biri
25 ekor unta (25 -35 ekor),	zakatnya 1 ekor (بنت مخاض) unta berusia setahun lebih
36 ekor unta (36 -45 ekor),	zakatnya 1 ekor (بنت لبون) unta berusia 2 tahun lebih
46 ekor unta (46 -60 ekor),	zakatnya 1 ekor (حقة) unta berusia 3 tahun lebih
61 ekor unta (61 -75 ekor),	zakatnya 1 ekor (جذعة) unta berusia 4 tahun lebih
76 ekor unta (76 -90 ekor),	zakatnya 2 ekor (بنت لبون) unta berusia 2 tahun lebih
91 ekor unta (91 -120 ekor),	zakatnya 2 ekor (حقة) unta berusia 3 tahun lebih
121 ekor unta	zakatnya 3 ekor (بنت لبون) unta berusia 2 tahun lebih

Bilangan di antara 2 kadar nisab itu dinamakan (وقص) iaitu kemurahan, maka ia tidak berkaitan dengan kewajipan zakat mengikut (الأصح) pendapat yang lebih tepat.

- (بنت مخاض) unta berusia setahun dan akan masuk usia 2 tahun
- (بنت لبون) unta berusia 2 tahun dan akan masuk usia 3 tahun
- (حقة) unta berusia 3 tahun dan akan masuk usia 4 tahun
- (جذعة) unta berusia 4 tahun dan akan masuk usia 5 tahun

Kemudian dikira $9 + 121 + 10$ jumlahnya 140 ekor unta. Perkiraanannya adalah seperti berikut:

Setiap 40 ekor unta, zakatnya 1 ekor (بنت لبون) unta berusia 2 tahun lebih

Setiap 50 ekor unta, zakatnya 1 ekor (حقة) unta berusia 3 tahun lebih

Setiap 130 ekor unta, zakatnya (حقة) dan (بنت لبون)

Setiap 140 ekor unta, zakatnya 2 ekor (حقة) dan 1 ekor (بنت لبون)

Setiap 150 ekor unta, zakatnya 3 ekor (حقة) dan begitulah seterusnya.

فصل

في مقدار الإبل وما يجب فيه

- وأول نصاب الإبل خمس ، وفيها شاة ذكرا أو أنثى وهي جذعة ضأن لها سنة و دخلت في الثانية ، أو ثنية معز لها سنتان ودخل في الثالثة ،
- وفي عشر شاتان ،
- وفي خمسة عشر ثلاث شياه ،
- وفي عشرين أربع شياه ،
- وفي ست وثلاثين بنت لبون ،
- وفي ست وأربعين حقة ،
- وفي إحدى وستين جذعة ،
- وفي إحدى وتسعين حقتان .
- وفي مائة وإحدى وعشرين ثلاث بنات لبون

وما بين النصابين يسمى وقصا أى عفوا فلا يتعلق به الواجب على الأصح

- وبنت المخاض لها سنة ودخلت في الثانية ،
- وبنت اللبون لها سنتان ودخلت في الثالثة ،
- والحقة لها ثلاث سنوات ودخلت في الرابعة ،
- والجذعة لها أربع سنين ودخلت في الخامسة ،

- ثم يعد زيادة تسع على مائة وإحدى وعشرين وزيادة عشر بعد التسع وجملة ذلك مائة وأربعون يستقيم الحساب على أن :

- في كل أربعين بنت لبون ،
- وفي كل مائة وثلاثين حقة وبنات لبون ،
- وفي مائة وخمسين ثلاث حقات وهكذا .
- وفي كل خمسين حقة ،
- وفي مائة وأربعين حقتان وبنات لبون

Fasal**Kadar nisab lembu dan perkara yang wajib padanya**

Nisab lembu pertama kali ialah 30 ekor, zakatnya (تبيع)¹ seekor anak lembu jantan. iaitu (العجل) anak lembu berusia setahun dan hampir masuk ke usia 2 tahun. Sekiranya dikeluarkan (تبعية) seekor anak lembu betina juga memadai mengikut cara yang lebih utama.

40 ekor lembu (40 -59 ekor), zakatnya 1 ekor (مسنة)² lembu betina berumur 2 tahun dan hampir masuk ke umur 3 tahun

Berdasarkan hukum ini iaitu wajib dikeluarkan (تبيع) pada nisab 30 ekor lembu dan (مسنة) pada nisab 40 ekor lembu – hukum ini berlaku selama-lamanya, maka qiaskanlah perkara tersebut.³

70 ekor lembu (70 -79 ekor), zakatnya 1 ekor (تبيع) dan (مسنة).
80 ekor lembu (80 -89 ekor), zakatnya 2 ekor (مسنة).
Begitu juga pada 120 ekor lembu (25 -35 ekor), zakatnya 3 ekor (مسنة) atau 4 ekor (تبيع).

Fasal**Kadar nisab kambing dan perkara yang wajib padanya**

Nisab kambing pertama kali ialah 40 ekor, zakatnya seekor anak kambing (جدعة)⁴ atau anak biri-biri (ثنية)⁵

120 ekor kambing, zakatnya 2 ekor kambing
201 ekor kambing, zakatnya 3 ekor kambing
400 ekor kambing, zakatnya 4 ekor kambing
kemudian setiap 100 ekor kambing, zakatnya 1 ekor kambing

¹ Anak lembu dinamakan (تبيع) pengikut – kerana ia mengikut ke mana saja ibunya pergi.

² Anak lembu betina dinamakan (مسنة) bergigi – sebab telah sempurna giginya tumbuh.

³ * (60 – 69 ekor lembu, zakatnya 2 ekor (تبيع) anak lembu jantan berusia setahun dan hampir masuk ke usia 2 tahun)

* (90 – 99 ekor lembu, zakatnya 3 ekor (تبيع) anak lembu jantan berusia setahun dan hampir masuk ke usia 2 tahun)

* [100 – 109 ekor lembu, zakatnya 2 ekor (تبيع) dan seekor (مسنة)]

⁴ (جدعة) anak kambing berumur setahun dan masuk umur 2 tahun.

⁵ (ثنية) anak biri-biri berumur 2 tahun dan masuk umur 3 tahun

فصل**في مقدار نصاب البقر وما يجب فيه**

وأول نصاب البقر ثلاثون فيجب فيها تبيع ذكر وهو العجل له سنة ودخل في الثانية ولو أخرج تبعية أجزاً بطريق الأولى ، ويجب في أربعين مسنة لها سنتان ودخلت في الثالثة ، وعلى هذا الحكم من وجوب تبيع في ثلاثين ومسنة في أربعين ابدا فقس ، ففي سبعين تبيع ومسنة ، وفي ثمانين مسنتان وهكذا في مائة وعشرين ثلاث مسنات أو أربعة أتبعه

فصل**في مقدار نصاب الغنم وما يجب فيه**

وأول نصاب الغنم أربعون وفيها شاه جدعة من الضأن أو ثنية من المعز ، وفي مائة وإحدى وعشرين شاتان ، وفي مائتين وواحدة ثلاث شياة ، وفي أربعمائة أربع شياة ، ثم في كل مائة شاة.

Fasal
Zakat harta yang dikongsi

Dua harta yang bercampur, maka dikeluarkan zakatnya sebagai zakat seorang sahaja.

- Harta yang bercampur itu kadang kalanya memberi kebaikan kepada dua orang yang berkongsi sebagai memberikan keringanan. Contohnya memiliki 80 ekor kambing secara sama banyak maka kedua-duanya perlu mengeluarkan zakat seekor kambing.
- Kadang kala ianya memberatkan seperti memiliki 40 ekor kambing secara sama banyak maka kedua-duanya perlu mengeluarkan zakat seekor kambing.
- Kadang kala ianya memberikan keringanan kepada salah seorang dari keduanya dan memberatkan seorang lagi seperti memiliki 60 ekor kambing, salah seorangnya memiliki 1/3 dan seorang lagi memiliki 2/3 daripada kumpulan kambing itu.
- Kadang kala ianya tidak memberikan keringanan dan tidak memberatkan kedua-duanya seperti memiliki 200 ekor kambing, secara sama banyak maka kedua-duanya perlu mengeluarkan satu bentuk zakat sahaja dengan 7 syarat:

- 1- Apabila kandang – tempat tinggal ternakan di waktu malam –satu sahaja.
- 2- Tempat rehat – tempat ternakan berehat - satu sahaja.
- 3- Tempat peliharaan – tempat menternak binatang - satu sahaja.
- 4- Pengembala - orang yang menguruskan perihal ternakan dan memeliharanya adalah satu pihak sahaja dengan erti setiap ternakan tidak ditentukan penjaganya yang khas.
- 5- Penjantan –jantan yang menjadi baka ternakan itu adalah satu sahaja. Dengan maksud seperti pengembala juga, sekiranya jenis ternakan itu sejenis. Sekiranya berbeza seperti kambing dan biri-biri maka tidak disyaratkan ianya satu sahaja.
- 6- Tempat minum – tempat ternakan minum – adalah satu sahaja, sama seperti di atas.
- 7- Tempat susu – tempat orang yang pemerah susu ternakan itu adalah satu sahaja.

فصل
في زكاة الخلطة

والخليطان يزكيان زكاة الشخص الواحد ، والخلطة قد تفيد الشريكين تخفيفا بأن يملك ثمانين شاة بالسوية بينهما فيلزمهما شاة ، وقد تفيد تثقيلا بأن يملك أربعين شاة بالسوية بينهما فيلزمهما شاة ، وقد تفيد تخفيفا على أحدهما وتثقيلا على الآخر كأن يملك ستين لأحدهما ثلثها وللآخر ثلثاها ، وقد لا تفيد تخفيفا ولا تثقيلا كأن يملك مائتي شاة بالسوية بينهما ، وإنما يزكيان زكاة الواحد بشروط سبعة:

١. إذا كان المراح – وهو مأوى الماشية ليلا – واحدا .
٢. والمسرح – وهو الموضع الذي تسرح إليه الماشية – واحدا.
٣. والمرعي وهو المكان الذي ترعى فيه الماشية واحدا.
٤. الراعي وهو المتولى شأن الماشية والحفاظ عليها واحدا على معنى ألا تختص كل ماشية براعي خاص بها .
٥. الفحل وهو الذكر الذي يطرق الماشية واحدا ، بالمعنى السابق في الراعي إن اتحد نوع الماشية فإن اختلف كضأن ومعر فلا يشترط كونه واحدا.
٦. المشرب وهو الموضع الذي تشرب منه واحدا بالمعنى السابق أيضا .
٧. موضع الحلب وهو المكان الذي يقوم فيه الحالب بحلبها واحدا.

Fasal

Nisab emas dan perak serta perkara yang wajib padanya

Nisab emas ialah cukup 20 mithqal mengikut timbangan Mekah. Satu mithqal ialah $1 \frac{3}{7}$ dirham. Zakatnya $\frac{1}{40}$ (2.5%) iaitu setengah mithqal. Kadar emas yang lebih daripada 20 mithqal maka dihitung dengan perkiraan tersebut, sekalipun sedikit pertambahannya.

Nisab perak ialah 200 dirham. Zakatnya $\frac{1}{40}$ (2.5%) iaitu 5 dirham. Kadar perak yang lebih daripada 200 dirham maka dihitung dengan perkiraan tersebut, sekalipun sedikit pertambahannya. Tidak dikenakan zakat pada bahan yang bercampur daripada emas atau perak sehingga kadar bersih/murni (emas/perak) itu cukup nisab (maka barulah dikenakan zakat).

Tidak diwajibkan zakat pada perhiasan yang dibenarkan. Manakala perhiasan yang diharamkan seperti gelang tangan, gelang kaki pada lelaki dan khuntha, maka wajib zakat padanya.

Nisab emas dengan matawang Mesir sekarang nilainya ialah 93.6 gram dengan harga semasa. Nisab perak dengan matawang Mesir sekarang nilainya ialah 418 gram dengan harga semasa untuk memelihara kepentingan orang miskin dan matawang Mesir menepati nilai perak..

فصل

في نصاب الذهب والفضة وما يجب فيهما

ونصاب الذهب عشرون مثقالا تحديدا بوزن مكة ، والمثقال درهم وثلاثة أسباع درهم ، وفيه ربع العشر وهو نصف مثقال وفيما زاد على العشرين مثقالا بحسابه ، وإن قل الزائد .

ونصاب الورق (الفضة) مئتا درهم ، وفيه ربع العشر وهو خمسة دراهم ، وفيما زاد على المائتين بحسابه وإن قل الزائد ، ولا شيء في المغشوش من ذهب أو فضة حتى يبلغ خالصه نصابا .

ولا يجب في الحلبي المباح زكاة ، أما المحرم كسوار وخلخال رجل وخنثى فتجب الزكاة فيه .

ونصاب الذهب بالعملة المصرية الآن قيمته ٩٣٫٦ جراما بسعر يوم الوجود ، ونصاب الفضة بالعملة المصرية الآن ٤١٨ درهم بسعر يوم الوجود رعاية المصلحة الفقير ، وتقر العملة المصرية بالفضة .

Fasal

Kadar nisab tanaman dan buah serta perkara yang wajib padanya

Nisab Tanaman dan buah ialah 5 ausuq iaitu 1600 ritl Baghdad. Satu ritl Baghdad ialah $128 \frac{4}{7}$ dirham. Mengikut sukatan Mesir ialah 4 ardab dan 2 timbangan. Kadar yang lebih daripada itu, maka dihitung dengan perkiraan tersebut.

Wajib dikeluarkan zakat tanama dan buah sekiranya disiram dengan air hujan dan seumpamanya atau dengan air yang mengalir tanpa menggunakan sebarang alat untuk mengangkutnya – zakatnya $\frac{1}{10}$.

Sekiranya disiram dengan peralatan zakatnya separuh dari $\frac{1}{10}$. Tanaman yang disiram dengan peralatan dan lainnya, kedua-dua penggunaan tersebut adalah sama banyak bagi tanaman tersebut – zakatnya $\frac{3}{4}$ daripada persepuluh (0.75)

فصل

في مقدار نصاب الزروع والثمار وما يجب فيها

ونصاب الزروع والثمار خمسة أوسق وهي ألف وستمائة رطل بالبيدادي ، والرطل البيدادي مائة وثمانية وعشرون درهما وأربعة أسباع درهم ، وهي بالكيل المصري أربعة أرداب وكيلتان، وما زاد فبحسابه .

ويجب في الزروع والثمار إن سقيت بالمطر ونحوه أو الماء الجاري من غير استعمال آلة رافعة العشر .

وإن سقيت بآلة فنصف العشر ، وفيما سقى بآلة وغيرها وكانا متساويين بالنسبة لعين الزرع ثلاثة أرباع العشر .

Fasal

Harta perniagaan, bahan galian dan harta karun serta perkara yang wajib baginya

Barang perniagaan perlu dihitung di akhir tahun dengan nilai matawang yang digunakan untuk membeli barang perniagaan tersebut sama ada harga harta perniagaan di awal tahun cukup nisab atau sampai nisab nilai barang perniagaan di akhir tahun, maka dikeluarkan zakat nilai barang perniagaan tersebut. Sekiranya tidak cukup nisab maka tidak dikenakan zakat.

Dikeluarkan zakata dari nilai barang perniagaan sekiranya cukup nisabnya – iaitu $\frac{1}{4}$ daripada $\frac{1}{10}$ (0.25)

Sesuatu yang dikeluarkan daripada bahan galian emas dan perak, sekiranya cukup nisab setelah dibersihkan dan dimurnikannya daripada bahan lain yang bercampur dengannya – zakatnya $\frac{1}{4}$ daripada $\frac{1}{10}$ (0.25) ketika itu juga, jika orang yang mengeluarkan bahan tersebut daripada orang yang berkewajipan zakat.

Sesuatu yang ada daripada harta karun iaitu peninggalan zaman jahiliah, zakatnya $\frac{1}{5}$ ketika itu juga sekiranya cukup nisab. Diagihkan zakat yang wajib daripada harta karun dan bahan galian mengikut pengurusan zakat yang telah ditetapkan. Ada pendapat mengatakan : ianya diagihkan kepada 5 golongan yang disebutkan dalam ayat tentang harta rampasan perang.(1)

(1) iaitu firman Allah swt:

“Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulallah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan bekalan)”. Surah al Hasyr : 7

فصل

في عروض التجارة والمعدن والركاز وما يجب في كل

وتقوم عروض التجارة عند آخر الحول بالنقد الذي اشترت به سواء كان ثمن مال التجارة أول الحول نصاباً أم بلغت قيمة العروض آخر الحول نصاباً زكى قيمة العروض وإلا فلا .

ويخرج من قيمة العروض إن بلغت نصاباً ربع العشر .

وما استخراج من معادن الذهب والفضة يخرج منه إن بلغ نصاباً بعد التنقية والتخليص من الشوائب ربع العشر في الحال إن كان المستخرج من أهل وجوب الزكاة .

وما يوجد من الركاز وهو دفين الجاهلية ففيه الخمس في الحال إن بلغ نصاباً ، ويصرف كل من الواجب في الركاز والمعدن مصرف الزكاة المعتمدة ، وقيل يصرف إلى أهل الخمس المذكورين في آية الفيء(1).

(1) وهي قوله تعالى : ﴿مَّا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ﴾ الآية ٧ من سورة الحشر .

Fasal

Zakat Fitrah

Zakat fitrah (asal kejadian manusia) diwajibkan dengan 3 syarat:

- 1- Islam, Tidak wajib zakat ke atas orang kafir asli kecuali dalam masalah hambanya dan baru masuk Islam, maka diwajibkan zakat sebagaimana diwajibkan memberi nafkah kepada keduanya.
- 2- Merdeka, sepenuhnya atau sebahagian dirinya. Tidak diwajibkan zakat fitrah ke atas seseorang hamba itu untuk dirinya sendiri atau orang lain.
- 3- Terbenam matahari pada hari terakhir bulan Ramadhan. Ketika itu dikeluarkan zakat fitrah bagi orang yang mati selepas terbenam matahari, tetapi tidak dikeluarkan zakat fitrah bagi bayi yang lahir selepas terbenam matahari.

Terdapat harta lebih iaitu kemudahan seseorang dengan adanya lebih makanan asas untuk diri sendiri dan keluarganya yang wajib diberikan nafkah kepada mereka pada malam dan siang hari raya.

Seseorang itu wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk dirinya sendiri dan orang yang di bawah tanggungannya yang Islam. Seorang muslim tidak wajib mengeluarkan zakat fitrah hamba, keluarga terdekat dan isteri yang kafir sekalipun wajib memberi nafkah kepada mereka.

Apabila seseorang itu wajib mengeluarkan zakat fitrah, maka ia keluaran secupak dari makanan asas negeri orang yang mengeluarkan zakat fitrah tersebut. Sekiranya di negeri tersebut terdapat banyak jenis makanan asas da nada sebahagiannya banyak digunakan oleh orang ramai, maka ia wajib mengeluarkan zakat itu dari jenis tersebut.

Sekiranya seseorang itu tinggal di kawasan pedalaman yang tidak ada makanan asasi, maka ia perlu mengeluarkan zakat fitrah dari jenis makanan asas bagi negeri yang berhampirannya. Sesiapa yang tidak mampu mengeluarkan zakat fitrah itu kadar satu sha', tetapi mampu mengeluarkan separuh sha' maka wajiblah ia mengeluarkan kadar separuh sha' yang ia mampu.

Kadar satu sha'⁶ ialah $5 \frac{1}{3}$ ritl (kati) Iraq, kerana satu sha' adalah 4 mud⁷. Satu mud ialah $1 \frac{1}{3}$ ritl. Saru ritl Baghdad ialah $128 \frac{4}{7}$ dirham. Satu sha' dengan timbangan Mesir sekarang ialah dua cawan penuh.

⁶ sha' : 2400 gram

⁷ mud : 510 gram (mazhab syafie, Maliki, Hambali), 812.5 gram (mazhab Hanafi)

فصل

في زكاة الفطر

وتجب زكاة الفطر ، ويقال لها زكاة الفطرة أي الخلقة بثلاثة أشياء:

١. الإسلام : فلا زكاة على كافر أصلي إلا في رقيقه وقريبه المسلمَيْن فتلزمه زكاتها كما تلزمه نفقاتهما .

٢. الحرية : كلا أو بعضا فلا فطرة على رقيق عن نفسه ولا عن غيره .

٣. غروب الشمس من آخر يوم من شهر رمضان وحينئذ فتخرج زكاة الفطر عن مات بعد الغروب دون من وُلِدَ بعده .

ووجود الفضل وهو يسار الشخص بما يفضل عن مؤنته ومؤنة عياله الذين تلزمه نفقتهم في يوم العيد ولينته ، ويُرَكِّي الشخص عن نفسه وعن تلزمه نفقته من المسلمين فلا يلزم المسلم فطرة عبد وقريب وزوجة كفار وإن وجبت نفقتهم .

وإذا وجبت الفطرة على الشخص فيخرج صاعا من قوت بلد المخرج عنه ، فإن كان في البلاد أقوات غلب بعضها وجب الإخراج منه .

ولو كان الشخص في بادية لا قوت فيها أخرج من قوت أقرب البلاد إليه ، ومن لم يوسر بصاع بل ببعضه لزمه ذلك البعض .

وقدر الصاع خمسة أرطالٍ وثلاثٍ بالعراقي ، لأن الصاع أربعة أمداد ، والمد رطلٍ وثلاث ، والرطل البغدادي مائة وثمانية وعشرون درهما وأربعة أسباع درهم ، والصاع بالكيل المصري الآن قدحان خالصان .

Fasal

Pembahagian zakat untuk orang yang berhak menerima zakat

Zakat diagihkn kepda 8 golongan yang disebut oleh Allah swt dalam al Quran :

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

Surah at Taubah : 60

Golongan Fakir yang menerima zakat ialah seseorang yang tidak mempunyai harta dan kerja sama sekali atau ada harta yang biasanya tidak mencukupi sepanjang masa kalau dibahagi-bahagikan mengikut usianya sekiranya tidak berniaga padanya. Jika tidak demikian maka boleh digunakan ungkapan setiap hari. Tanda perkara tersebut ialah perkara yang dikhususkan untuk setiap hari itu kurang daripada separuh yang dimilikinya mencukupi nisab atau lebih, maka ia mengeluarkan zakat fitrahnya sedangkan ia akan menerima zakat orang lain.

Orang Miskin ialah seseorang yang mempunyai harta atau kerja yang mana kedua-duanya tidak mencukupi keperluannya, seperti seseorang yang memerlukan 10 dirham sedangkan hanya ada padanya separuh atau lebih sedikit daripada itu dan tidak sampai 10 dirham.

Amil iaitu orang yang ditugaskan oleh pemerintah untuk memungut zakat dn mengagihkannya kepada golongan yang berhak.

Orang yang baru memeluk Islam: mereka masih lemah iman kerana baru memeluk Islam. Diberikan zakat kepada mereka untuk menguatkan lagi keimanan mereka, ataupun orang yang kuat imannya tetapi mereka menghalang kita dari kejahatan orang kafir atau orang yang enggan mengeluarkan zakat atau juga diharapkan dengan memberi zakat kepada mereka akan menyebabkan orang lain memeluk Islam lalu diberikan zakat untuk tujuan tersebut.

(untuk memerdekakan) hamba: iaitu hamba mukatab (dengan akad kitabah) yang sah. Manakala hamba mukatab yang tidak sah, maka ia tidk diberikan bahagian zakat untuk hamba mukatab.

فصل

في قسم الصدقات على مستحقيها

وتدفع الزكاة إلى الأصناف الثمانية الذين ذكرهم الله تعالى في

كتابه العزيز في قوله تعالى: ﴿إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَقَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾ سورة التوبة : ٦٠

والفقير في الزكاة: هو الشخص الذي ليس له مال ولا كسب أصلا أو له مال لا يقع موقعا من كفايته العمر الغالب عند توزيعه عليه إن لم يتجر فيه وإلا فالعبرة بكل يوم، وضابط ذلك أن يكون ما يخص كل يوم أقل من نصف ما كان يملكه نصابا فأكثر فيخرج زكاته مع كونه يأخذ زكاة غيره.

والمسكين: هو الشخص الذي يقدر على مال أو كسب يقع كل منهما موقعا من كفايته ولا يكفيه كمن يحتاج إلى عشرة دراهم وعنده نصفها فما فوقه ولم يبلغ العشرة.

والعامل: هو الشخص يستعمله الإمام على أخذ الصدقات ودفعها إلى مستحقيها.

والمؤلفة قلوبهم: وهم ضعاف الإيمان لقرب عهدهم بالإسلام فيعطون من الزكاة ليقوي إيمانهم، أو أقوياء الإيمان لكنهم يكفوننا شر كفار أو مانعي زكاة أو يرجي بإعطائهم إسلام غيرهم فيعطون منها لذلك.

وفي الرقاب: هم المكاتبون كتابة صحيحة، أما المكاتب كتابة فاسدة فلا يعطى من سهم المكاتبين.

Orang yang berhutang iaitu :

- 1- orang yang berhutang untuk mendamaikan dua pihak yang bersengketa dalam masalah pembunuhan yang tidak diketahui pembunuhnya, maka dibayar hutangnya dengan bahagian zakat untuk golongan yang berhutang, sekiranya ia masih lagi berhutang. Namun jika ia tidak lagi berhutang maka tidak diberikan zakat untuknya.
- 2- Orang yang berhutang untuk dirinya sendiri atau keluarganya demi sesuatu yang dibolehkan.
- 3- Orang yang berhutang untuk menjamin (hutang orang lain), maka diberi kepada kedua-duanya (golongan kedua dan ketiga ini) zakat kerana keperluannya untuk melunaskan hutang dan ianya tidak mampu melunaskan hutang tersebut.

Orang yang berjuang di jalan Allah swt: tentera yang tidak ada gaji tetap dari perbendaharaan negara, bahkan ianya secara sukarela untuk berjuang.

Orang yan berada dalam perjalanan: orang yang memulakan perjalanan dari negeri/daerah (yang memberi) zakat atau melalui negeri/daerah tersebut dengan syarat ia memerlukan dan tidak maksiat (dengan perjalanannya).

Apabila tidak ada sebahagian asnaf zakat (golongan yang berhak menerima zakat) dan ada sebahagian lain, maka diagihkan kepada golongan yang ada sahaja. Sekiranya semua asnaf zakat ini tidak ada, maka disimpan harta zakat tersebut sehingga ada semua atau sebahagian asnaf zakat. Tidak boleh memberikan zakat kepada kurang daripada 3 orang⁸ bagi setiap asnaf daripada 8 asnaf zakat kecuali golongan 'amil kerana ianya dibolehkan diberikan zakat kepada seorang sahaja⁹, sekiranya terhasil dengan cara tersebut. Jika hanya diberikan zakat kepada 2 orang (yang berhak menerima zakat) maka pemberi zakat perlu membayar untuk orang yang ketiga (yang tidak diberikan zakat) dengan kadar minimum dari harta zakat tersebut. Ada pendapat mengatakan: dikira pemberi zakat itu berhutang pada orang yang ketiga.

5 golongan yang tidak layak menerima zakat:

- (1) Orang kaya harta atau pekerjaan (yang boleh menampung keperluan hidupnya).
- (2) Hamba (3) Bani Hasyim
- (4) Bani Muttalib, begitu juga bekas-bekas hamba mereka
- (5) Orang kafir

Orang yang menerima nafkah wajib daripada orang lain¹⁰, zakat tidak boleh diberikan kepada mereka atas nama fakir dan miskin. Namun boleh diberikan zakat atas nama lain sebagai contoh : orang yang berhutang atau berperang.

⁸ kerana setiap asnaf zakat yang disebut dalam al Quran adalah berbentuk jamak (ramai).

⁹ Tugas sebagai pengurus zakat boleh diberikan untuk seorang sahaja jika ianya sudah mencukupi.

¹⁰ seperti kerana hubungan perkahwinan atau kaum kerabat.

والغارم: هو من استدان لتسكين فتنة بين طائفتين في قتيل لم يظهر قاتله فيقضي دينه من سهم الغارمين، إن بقي مدينا وإلا فلا، أو تداين لنفسه أو عياله في مباح، أو تداين لضمان فيعطى كل منهما مع الحاجة بأن يحل الدين ولم يقدر على الوفاء.

وفي سبيل الله : هم الغزاة الذين لا سهم لهم في ديوان المرتزقة بل هم متطوعون بالجهاد.

وابن السبيل: هو من ينشئ سفرا من بلد الزكاة، أوى مجتازا ببلدها بشرط الحاجة وعدم المعصية.

وإذا فقد بعض الأصناف ووجد البعض الآخر تصرف لمن وجد فيهم فإن فقدوا كلهم حفظت الزكاة حتى يوجدوا كلهم أو بعضهم ولا يقتصر في إعطاء الزكاة على أقل من ثلاثة من كل صنف من الأصناف الثمانية إلا العامل فإنه يجوز أن يكون واحدا إن حصلت به الكفاية، وإذا صرفها لاثنين غرم للثالث أقل متمول، وقيل يغرم له الثالث.

وخمسة لا يجوز دفع الزكاة إليهم الغني بمال أو كسب، والعبد، وبني هاشم، وبني المطلب، وكذا عتقاؤهم، والكافر.

والمكفي بنفقة غيره عليه لا يجوز دفع الزكاة إليه باسم الفقراء والمساكين، ويجوز دفعها باسم كونه غارما أو غازيا مثلا.

HUKUM NIKAH

Pengertian Nikah:

Perkataa *nikah* digunakan dari sudut bahasa bagi maksud “mengumpulkan”, *akad* dan *wathi*’ (persetubuhan).

Dari sudut syara’ (istilah) ialah suatu akad yang membolehkan wath’i (hubungan kelamin) dengan menggunakan lafaz *inkah*, *tazwij* atau terjemahannya.”

Dalilnya:

Dalil syara’ sebelum disepakati oleh ulama:

1- **Al Quran** : Firman Allah s.w.t:

“maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain)”. (an Nisa’ : 3)

2- **Hadis** : Sabda nabi saw: “Barangsiapa yang mencintai fitrahku, maka hendaklah ia laksanakan sunnahku. Antara sunnahku ialah berkahwin”.

Rukun Nikah ada 5 perkara:

- 1- Suami
- 2- Isteri
- 3- Wali
- 4- dua orang saksi
- 5- sighth (lafaz ijab dan qabul)

Hukum Nikah

Nikah disunnahkan bagi orang yang membutuhkannya sebab keinginan kuat di dalam dirinya untuk melakukan wathi’ dan ia memiliki biaya seperti mas kawin dan nafkah. Jika ia tidak memiliki biaya, maka tidak disunnahkan baginya untuk menikah.

أحكام النكاح

تعريف النكاح:

- يطلق في اللغة: على الضم ويطلق على العقد وعلى الوطاء.
- شرعا: عقد يتضمن إباحة وطاء بلفظ إنكاح أو تزويج أو ترجمته.

دليله:

- قبل الإجماع قوله تعالى: (فأنكحوا ما طاب لكم من النساء)^{١١}
- قوله ﷺ: (من أحب فطرتي فليستن بسنتي، ومن سنتي النكاح)^{١٢}

أركانها خمسة:

- | | | |
|------------|----------|---------|
| (١) زوج | (٢) زوجة | (٣) ولي |
| (٤) شاهدان | (٥) صيغة | |

حكمه:

- النكاح مستحب للشخص الذي يحتاج إليه بتشوق نفسه للوطء ويجد مؤنه كمهر ونفقة وكسوة، فإن فقد المؤمن مع التشوق يستحب له تركه ويكسر شهوته بالصوم.

^{١١} آية: ٣ من سورة النساء

^{١٢} حديث ابن مسعود رضي الله تعالى عنه قال: قال رسول الله ﷺ: (يا معشر الشباب من استطاع منكم الباءة فليتزوج) ج ٩٩/٦ نيل الأوطار.

Bilangan isteri yang boleh dikahwini

- Seorang lelaki yang merdeka boleh mengahwini 4 orang perempuan merdeka. Kecuali jika pada haknya (kemampuannya/keperluannya) hanya seorang isteri sahaja, maka tidak boleh mengahwini lebih dari seorang isteri seperti perkahwinan lelaki bodoh dan seumpamanya.
- Seorang hamba lelaki walaupun hamba mudabbar, muba'ad atau mukatab¹³, boleh mengahwini 2 isteri sahaja dan tidak boleh lebih daripada itu.

Syarat perkahwinan lelaki merdeka dengan hamba perempuan

Lelaki merdeka tidak boleh mengahwini hamba wanita orang lain kecuali dengan 4 syarat:

- (1) Lelaki itu tidak memiliki kadar mas kahwin bagi perempuan merdeka, tidak menemukan perempuan merdeka atau perempuan merdeka itu tidak berkenan mengahwininya.
- (2) Bimbang melakukan zina dalam tempoh tidak menemukan perempuan merdeka (untuk dikahwini).
- (3) Lelaki itu tidak memiliki isteri merdeka sama ada Islam atau ahli kitab yang masih boleh untuk istimta' (dinikmati)
- (4) Hamba perempuan yang akan dikahwini oleh lelaki merdeka tersebut adalah beragama islam.

Apabila lelaki merdeka itu mengahwini hamba perempuan dengan syarat-syarat tersebut, kemudian ia menjadi kaya dan mengahwini pula dengan perempuan merdeka, maka perkahwinannya (sebelum ini) dengan hamba perempuan tersebut tidak rosak.

Jenis Pandangan lelaki terhadap perempuan

- Pandangan lelaki pada perempuan yang telah baligh atau kanak-kanak yang timbul keinginan nafsu terbahagi kepada 7 jenis:

Pertama: Pandangan lelaki, walaupun sudah terlalu dan tidak mampu bersetubuh pada perempuan asing (bukan mahram dan bukan isteri) tanpa ada keperluan untuk memandangnya, maka hukumnya tidak boleh (Haram).

¹³ **Mudabbar** Hamba yang akan merdeka selepas kematian tuannya, kerana tuannya berkata kepadanya: "Jika aku mati, maka kamu merdeka".

Muba'ad : Hamba yang separuh dari dirinya sudah merdeka

Mukatab : Hamba yang diberi peluang oleh tuannya untuk mencari dan mengumpul suatu jumlah harta yang tertentu dalam tempoh tertentu untuk menebus diri mereka supaya menjadi orang yang merdeka

العدد الذي يجوز جمعه:

- يجوز لكامل الحرية أن يجمع بين أربع نسوة حرائر، إلا أن تتعين الواحدة في حقه، فلا يجوز الزيادة عليها كنيكاح سفيه ونحوه.
- يجوز للعبد ولو مدبرا أو مبعضا أو مكاتبا أن يجمع بين زوجين فقط دون ما زاد عليها.

شروط نكاح الحر الأمة:

- لا يجوز للحر أن ينكح أمة لغيره إلا بأربعة شروط:
- (1) عدم صداق الحرة أو فقدها أو عدم رضاها به.
- (2) خوف الزنا مدة فقد الحرة.
- (3) ألا يكون تحت حرة مسلمة أو كتابية تصلح للاستمتاع.
- (4) إسلام الأمة التي ينكحها الحر.

- إذا نكح الحر أمة بالشروط المذكورة، ثم أيسر ونكح حرة لم يفسخ نكاح الأمة.

أنواع النظر من الرجل للمرأة

- نظر الرجل إلى المرأة البالغة أو الصغيرة التي تشتهي على سبعة أنواع:

الأول: نظره ولو كان شيخا هرما أو عاجزا عن الوطاء إلى أجنبية لغير حاجة إلى نظرها لغير جائز.

Kedua: Pandangan lelaki pada isteri dan hamba perempuannya. Boleh dia melihat pada kedua-keduanya selain pada bahagian kemaluannya

- Mengikuti pendapat **al ashah** adalah melihat bahagian kemaluan adalah makruh.

Ketiga: Pandangan lelaki pada perempuan-perempuan mahramnya, sama ada secara *nasab* (keturunan keluarga), *rada'* (susuan), *musoharah* (persemendaan/perkahwinan), atau hamba wanitanya yang telah berkahwin dengan orang lain. Maka ia boleh melihat pada anggota badan selain bahagian di antara pusat dan lutut. Manakala anggota di antara keduanya, hukumnya haram dilihat.

Keempat Memandang pada wanita asing kerana ingin dikahwini. Seseorang yang ingin mengahwini seorang wanita, maka dibolehkan baginya melihat wajah dan kedua telapak tangan luar dalam wanita tersebut, walaupun calon isteri tersebut tidak memberi izin melihatnya. Manakala hamba perempuan, boleh melihatnya pada anggota badan selain bahagian antara pusat dan lutut mengikuti pendapat al rajih¹⁴.

Kelima: Memandang kerana untuk mengubati. seorang doktor lelaki boleh melihat bahagian yang perlu dirawat sehinggalah rawatan pada bagian kemaluan sekalipun. Perkara tersebut dilakukan dengan kehadiran mahram, suami atau tuan bagi perempuan tersebut. Dan di sana memang tidak ada doktor wanita yang boleh mengubati penyakit perempuan tersebut.

Keenam: Memandang kerana tujuan bersaksi atas perempuan. Saksi boleh memandang kemaluan perempuan tersebut ketika ia bersaksikan atas perbuatan zina atau melahirkan anak yang dialami oleh perempuan tersebut. Sekiranya ia sengaja melihat dengan tujuan selain bersaksi, maka ia dihukum sebagai *fasik* dan persaksiannya ditolak, atau memandang kerana untuk melakukan transaksi jual beli dan lain-lain dengan perempuan, maka boleh baginya memandang pada muka perempuan itu sahaja.

Ketujuh : memandang hamba perempuan ketika hendak membelinya. Boleh memandang pada bahagian-bahagian badan yang perlu dibolak balik seperti anggota-anggota badan dan rambutnya yang bukan bahagian auratnya iaitu bahagian antara pusat dan lututnya, maka bahagian aurat itu tidak boleh dipandang.

الثاني: نظره إلى زوجته وأمته، ويجوز أن ينظر إلى كل منهما إلى ماعدا الفرج منهما.
- أما الفرج فيكره النظر إليه في الأصح.

الثالث: نظره إلى ذوات محارمه بنسب أو رضاع أو مصاهرة أو أمته المزوجة، فيجوز أن ينظر فيما عدا ما بين السرة والركبة. أما الذي بينهما فيحرم نظره.

الرابع: النظر إلى الأجنبية لأجل حاجة النكاح، فيجوز للشخص عند عزمه على نكاح امرأة النظر إلى الوجه والكفين منها ظاهرا وباطنا وإن لم تأذن له المرأة في ذلك. أما الأمة فينظر منها ماعدا ما بين السرة والركبة على الراجح.

الخامس: النظر للمداواة فيجوز إلى المواضع التي يحتاج إليها في المداواة حتى مداواة الفرج، ويكون ذلك بحضور محرم أو زوج أو سيد، وألا يكون هناك امرأة تعالجها.

السادس : النظر للشهادة عليها فينظر الشاهد فرجها عند بزناها أو ولادتها، فإن تعمد النظر لغير الشهادة فسق وردت شهادته، أو للمعاملة في بيع وغيره فيجوز نظره لها الوجه خاصة.

السابع: النظر إلى الأمة عند شرائها، فيجوز النظر إلى المواضع التي يحتاج إلى تقليبها كأطرافها وشعر رأسها دون عورتها، وهي ما بين سرتها وركبتها فلا يجوز النظر إليها.

¹⁴ al Rajih : Pendapat yang paling kuat daripada pendapat-pendapat imam Syafie

(Fasal) menjelaskan tentang perkara yang mana akad nikah tidak sah kecuali dengan perkara tersebut.

Syarat sah nikah:

- Akad nikah hukumnya tidak sah kecuali dengan adanya wali dan dua orang saksi yang adil, berdasarkan hadis dari Ibnu Hibban dalam kitab sahihnya: " Tidak sah nikah kecuali dengan adanya wali dan dua orang saksi yang adil, mana-mana pernikahan tanpa perkara tersebut, maka nikahnya batal, Sekiranya mereka enggan (menjadi wali) maka Sultan sebagai wali kepada mereka yang tidak mempunyai wali."

Syarat Wali dan dua saksi

Syarat wali dan dua orang saksi ada 6 perkara :

- (1) **Islam** : Wali bagi seorang perempuan itu tidak boleh seorang kafir, kecuali pada pernikahan perempuan kafir zimmi maka boleh walinya seorang kafir dengan syarat ianya adil dalam agamanya.
- (2) **Baligh** : Wali bagi seorang perempuan itu tidak boleh seorang kanak-kanak.
- (3) **Berakal** : Wali bagi seorang perempuan itu tidak boleh seorang gila, sama ada gila berterusan atau terputus-putus.
- (4) **Merdeka** : Wali bagi seorang perempuan itu tidak boleh seorang hamba di dalam *ijab* (serah) nikah dan boleh pada qabul (terima) nikah.
- (5) **Lelaki** : Wali bagi seorang perempuan itu tidak boleh seorang perempuan dan khunsa.
- (6) **Adil** : Wali bagi seorang perempuan itu tidak boleh seorang wali yang fasik, kecuali pada perkahwinan yang dilakukan oleh tuan terhadap hamba perempuannya.

فصل فيما لا يصح عقد النكاح إلا به

شروط صحة عقد النكاح:

- لا يصح عقد النكاح إلا بولي وشاهدي عدل لخبر ابن حبان في صحيحه: (لا نكاح إلا بولي وشاهدي عدل، وما كان من نكاح على غير ذلك فهو باطل فإن تشاحوا فالسلطان ولي من لا ولي له)^{١٥}

شروط الولي والشاهدين:

- يشترط في كل من الولي والشاهدين ستة شرائط:
- (١) الإسلام، فلا يكون ولي المرأة كافراً إلا نكاح الذمية فيجوز أن يكون كافراً بشرط أن يكون عدلاً في دينه.
- (٢) البلوغ، فلا يكون صغيراً.
- (٣) العقل، فلا يكون مجنوناً سواء أطبق جنونه أم لا.
- (٤) الحرية، فلا يكون ولي المرأة عبداً في النكاح ويجوز أن يكون قابلاً.
- (٥) الذكورة، فلا يكون امرأة ولا خنثى.
- (٦) العدالة، فلا يكون الولي فاسقاً إلا في تزويج السيد منه.

^{١٥} حديث عمران بن حصين ذكره أحمد بن حنبل ج ٦ / ١٢٥ نيل الأوطار

- Ditambah syarat khas bagi wali itu ianya kurang penglihatnya disebabkan tua atau gila. juga wali itu tidak dihalang disebabkan bodoh kerana ia tidak boleh menguruskan diri sendiri, maka sudah tentu tidak boleh mengurus urusan orang lain.
- Buta tidak mencacatkan hak menjadi wali mengikut pendapat *al ashah*.
- Syarat suami, ianya adalah halal berkahwin, pilihan sendiri, ditentukan, lelaki yang diyakini.
- Syarat isteri, ianya adalah halal dikahwini, ditentukan, perempuan yang diyakini dan ianya tiada ikatan dengan perkahwinan dan iddah.

Wali Nikah

Urutan Wali Nikah

- Wali-wali yang paling berhak menikahkan adalah :
 - o Ayah, kemudian datuk yang menjadi ayahnya ayah, kemudian ayahnya datuk (dan seterusnya ke atas).
 - o Datuk yang lebih dekat dengan perempuan yang akan dikahwinkan mesti didahulukan daripada datuk yang lebih jauh.
 - o Kemudian saudara lelaki kandung (seibu sebapa), kemudian saudara lelaki sebapa, kemudian anak lelaki bagi saudara lelaki kandung dan seterusnya ke bawah.
 - o Kemudian anak lelaki bagi saudara lelaki sebapa dan seterusnya ke bawah.
 - o Kemudian **bapa saudara** sebelah ayah yang seibu sebapa (dengan ayah), kemudian **bapa saudara** sebelah ayah yang sebapa (dengan ayah), kemudian **anak lelaki bagi bapa saudara** sebelah ayah yang seibu sebapa (dengan ayah), kemudian **anak lelaki bagi bapa saudara** sebelah ayah yang sebapa (dengan ayah)
- Jika ahli ashabah dari jalur nasab sudah tidak ada, maka yang berhak menikahkan adalah **tuan lelaki** yang telah memerdekakannya, Kemudian ahli ashabah tuan tersebut sesuai dengan urutan di dalam masalah warisan.
- Manakala **tuan perempuan** yang telah memerdekakannya sekiranya ia masih hidup, maka yang berhak menikahkan **hamba perempuan** yang telah ia merdekakan adalah orang yang berhak menikahkan **tuan perempuan** tersebut sesuai dengan urutan yang telah dijelaskan di dalam urutan wali dari jalur nasab. Sekiranya **tuan perempuan** yang telah memerdekakan tersebut telah meninggal dunia, maka yang menikahkan **hamba perempuan** yang telah dimerdekakan olehnya adalah orang yang mendapat waris *wala'* dari **tuan perempuan** tersebut, kemudian anak lelakinya, kemudian cucu lelaki dari anak lelakinya. Seorang hakim berhak menikahkan ketika wali dari jalur nasab dan *wala'* sudah tidak ada, berdasarkan sabda nabi saw: "Pemerintah adalah wali bagi orang yang tiada walinya".

- يزداد في حق الولي خاصة ألا يكون مختل النظر بهرم أو خبل، وألا يكون محجورا عليه بسفه لأنه لا يلي أمر نفسه فلا يلي أمر غيره.
- لا يقدر في الولاية العمى على الأصح.
- شرط الزوج كونه حلالا مختارا معينا ذكرا يقينا.
- شرط الزوجة كونها حلالا وكونها معينة وكونها أنثى يقينا، وأن تكون خالية من نكاح وعدة.

أولياء النكاح

ترتيبهم:

- أحق الأولياء بالتزويج :
 - o الأب ثم الجد أبو الأب ثم أبوه
 - o يقدم الأقرب من الأجداد على الأبعد،
 - o ثم الأخ الشقيق ثم الأخ الأب ثم ابن الأخ الشقيق وإن سفل،
 - o ثم ابن الأخ للأب وإن سفل
 - o ثم العم الشقيق ثم العم للأب ثم ابن العم الشقيق ثم ابن العم للأب،
- فإن عدمت العصبات من النسب فالمولى المعتق الذكر ثم عصبانه على ترتيب الإرث،
- أما المولاة المعتقة إذا كانت حية فيزوج عتيقتها من يزوج المعتقة بالترتيب السابق في أولياء النسب، فإذا ماتت المعتقة زوج عتيقتها من له الولاء على المعتقة ثم ابنه ثم ابن ابنه
- فإن عدم الأولياء من النسب والولاء زوج الحاكم لقوله ﷺ: (السلطان ولي من لا ولي له).

PERTUNANGAN

Khitbah (Pertunangan) ialah permintaan seorang lelaki yang melamar seorang perempuan atau bertemu walinya untuk berkahwin (dengan perempuan tersebut).

Perempuan yang boleh dilamar:

- Tidak boleh melamar perempuan yang sedang menjalani tempoh *iddah wafat*, *talak ba'in* dan *talak raj'i*, dengan lafaz yang sorih (jelas).
- **Tasrih** adalah bahasa yang secara tegas menunjukkan keinginan untuk meminang, seperti ucapan seorang lelaki pada perempuan yang menjalani tempoh *iddah*, "*aku ingin mengahwini kamu.*"
- Jika seorang perempuan yang sedang *iddah* namun bukan *iddah talak raj'i*, maka dibolehkan melamarnya dengan *ta'ridl* (bahasa sindiran), dan mengahwininya setelah *iddahnya* selesai.
- **Ta'ridh** adalah ungkapan yang tidak secara tegas menunjukkan keinginan untuk mengahwininya akan tetapi hanya *ihtimal* (andaian) saja, seperti ucapan seorang lelaki yang ingin melamar pada seorang perempuan, "*banyak sekali lelaki yang menyukaimu*". Jika seorang perempuan yang sedang *iddah* itu adalah *iddah talak raj'i*, maka tidak boleh melamarnya dengan *ta'ridh* (bahasa kiasan) sama seperti *tasrih*, kerana ianya masih dalam hukum seorang isteri.
- Manakala perempuan yang tidak terikat dengan halangan perkahwinan dan pinangan orang lain, maka boleh melamarnya secara *ta'ridh* (bahasa kiasan) dan *tasrih* (bahasa yang jelas).

Paksaan dalam perkahwinan

- Ayah atau datuk boleh mengahwinkan anak dara dengan tanpa izinnnya, tetapi tidak boleh bagi selain daripada kedua-duanya.

الخطبة:

الخطبة : التماس الخاطب من المخطوبة أو وليها النكاح.

من يجوز خطبتها من النساء:

- لا يجوز أن يصرح بخطبة معتدة عن وفاة أو طلاق بائن أو رجعي
- التصريح ما يدل قطعاً على قوة الإرادة في نكاح المخطوبة كقوله للمعتدة: "أريد نكاحك"،
- يجوز إن لم تكن المعتدة عن طلاق رجعي أن يعرض لها بالخطبة وينكحها بعد انقضاء عدتها.
- التعريض مالا يقطع بالرغبة في النكاح بل يحتملها كقول الخاطب للمرأة: "رب راغب فيك"، فإن كانت معتدة عن طلاق رجعي فلا يحل له التعريض كالتصريح لأنها في حكم الزوجة.
- أما المرأة الخالية من موانع النكاح وعن خطبة سابقة، فيجوز خطبتها تعريضاً وتصريحاً.

الإجبار في النكاح:

- تزويج الأب أو الجد دون غيرهما البكر بغير إذنها .

Pihak yang boleh memaksa perempuan berkahwin

- Perempuan terbahagi kepada dua jenis: perempuan janda dan dara.
- Janda adalah perempuan yang keperawanannya telah hilang sebab persetubuhan yang halal atau haram di kemaluannya.
- Dara adalah sebaliknya (belum hilang keperawanannya). Ayah dan datuk -ketika tidak ada ayah sama sekali atau ayahnya tidak boleh menjadi wali – boleh memaksa anak daranya untuk berkahwin, sekiranya memenuhi syarat-syarat *ijbar*.
- Wali-wali selain daripada kedua-duanya tidak boleh memaksa perempuan dara berkahwin.

Syarat paksaan berkahwin

- Memaksa untuk berkahwin ada syarat-syarat bagi sah nikahnya dan syarat-syarat harus mengemukakan perkahwinan sahaja (agar perkahwinan itu tidak hancur di tengah jalan).

Syarat-syarat sah nikahnya

- (1) Suaminya sepadan (kufu') - sama ada dari segi keturunan dan pendidikan agamanya
 - (2) Suami mampu membayar wang mas kahwin .
 - (3) Antara anak perempuan dan ayahnya tidak ada permusuhan.
 - (4) Antara perempuan itu dengan bakal suaminya tiada ada permusuhan langsung sama ada pada luarannya atau dalamannya.
- Sekiranya kurang satu syarat daripada syarat-syarat ini maka **rosaklah** akad nikah tersebut.

Syarat-syarat harus mengemukakan perkahwinan

- (1) Mengahwinkan perempuan itu dengan mahar mithil.
 - (2) Maskahwin itu dibayar secara langsung.
 - (3) Maskahwin itu menggunakan matawang setempat.
- Sekiranya tiada satu syarat daripada syarat-syarat ini maka berdosa dan akad nikah tersebut **sah**.
 - Perempuan janda tidak boleh walinya mengahwinkannya kecuali setelah ia baligh dan mendapat keizinannya sama ada dengan ucapan atau diam.

من يجوز إجبارها على النكاح:

- النساء على ضربين: ثيبات وأبكار،
- فالثيب من زالت بكارتها بوطء حلال أو حرام في قبلها،
- والبكر خلافها، فالبكر يجوز للأب والجد عند عدم وجود الأب أصلاً أو عدم أهليته إجبارها على النكاح إن وجدت شروط الإيجاب.
- لا يجوز لغيرهما من باقي الأولياء الإيجاب.

شروط الإيجاب:

- للإيجاب على النكاح شروط لصحة النكاح وشروط لجواز الإقدام فقط.

شروط الصحة:

- (١) أن يكون الزوج كفؤاً
 - (٢) وأن يكون موسراً بمال الصداق
 - (٣) وألا يكون بينها وبين الجد أو الأب عداوة ظاهرة
 - (٤) وأن لا يكون بينها وبين الزوج عداوة أصلاً لا ظاهرة ولا باطنة
- فإن اختل شرط من هذه الشروط فسد العقد .

شروط جواز الإقدام:

- (١) أن يزوجهها بمهر المثل
 - (٢) وأن يكون حالاً
 - (٣) وأن يكون من نقد البلد
- فإن انتفي شرط من هذه الشروط أثم وصح العقد.
 - الثيب لا يجوز لوليها تزويجها إلا بعد بلوغها وإذنها نطقاً أو سكوتاً

(Fasal) Perempuan yang haram dikahwini**Perempuan yang haram dikahwini**

- Perempuan yang haram dikahwini berdasar dalil Al Qur'an ada 14 golongan:

(1) 7 orang kerana hubungan *nasab* (keturunan):

- 1- Ibu dan ke atas.
- 2- Anak perempuan dan ke bawah.
- Anak perempuan (zina) dari air mani seorang lelaki, maka bagi lelaki tersebut halal mengahwinya menurut pendapat *al ashah*, akan tetapi hukumnya makruh. Manakala seorang perempuan maka tidak halal baginya mengahwini dengan anak lelakinya dari hasil perzinaan.
- 3- Saudara perempuan, sama ada kandung (seibu sebapa), sebapa saja atau seibu saja.
- 4- Emak saudara dari jalur ibu, sama ada secara hakikat saudara perempuan bagi ibu atau dengan perantara seperti emak saudara bagi ayah atau emak saudara bagi ibu dari jalur ibu.
- 5- Emak saudara dari jalur ayah, sama ada secara hakikat saudara perempuan bagi ayah atau dengan perantara seperti emak saudara bagi ayah dari jalur ayah.
- 6- Anak perempuan bagi saudara lelaki dan cucu-cucu perempuannya dari anak lelaki atau perempuan
- 7- Anak perempuan bagi saudara perempuan dan cucu-cucu perempuannya dari anak lelaki atau perempuan.

(2) Dua orang kerana hubungan rada' (susuan) :

- (1) ibu yang menyusui
- (2) Saudara perempuan susuan, berdasarkan dalil al quran yang menyatakan sedemikian.

Jika tidak demikian¹⁶ (sebenarnya perempuan yang haram dikahwini kerana hubungan susuan) adalah 7 orang juga. Ini kerana perempuan yang diharamkan kahwin sebab *nasab* juga diharamkan kahwin sebab *radha'*. Ketetapan pada masalah ini ialah perempuan yang haram dari jalur *nasab* juga haram dari jalur *radha'*. (Perempuan yang haram dari jalur nasab ada tujuh orang, maka tujuh orang tersebut juga haram dari jalur *radha'*.)

فصل في المحرمات من النساء**من يحرم نكاحهن:**

- المحرم نكاحهن بالنص أربعة عشر:

(1) سبع بالنسب وهن :

١- الأم وإن علت ٢- البنت وإن سفلت

- أما المخلوقة من ماء زنا شخص فتحل له على الأصح لكن مع الكراهية أما المرأة فلا يحل لها ولدها من الزنا،

٣- وأخت شقيقة كانت أو لأب أو الأم،

٤- الخالة حقيقة كأخت الأم أو بتوسط كخالة الأب أو الأم،

٥- العممة حقيقة كأخت الأب أو بتوسط كعممة الأب،

٦- بنت الأخ، وبنات أولاده من ذكر أو أنثى،

٧- بنت الأخت وبنات أولادها من ذكر أو أنثى.

(2) اثنتان بالرضاع وهما:

١- الأم المرضعة

٢- الأخت من الرضاع بالنسبة للنص في الآية،

- إلا فالسبع المحرمة بالنسب تحرم بالرضاع إذ الضابط فيه أنه يحرم من الرضاع ما يحرم من النسب.

¹⁶ Pengarang hanya menyebutkan dua perempuan tersebut sahaja kerana yang dinyatakan di dalam Al Qur'an hanya dua orang sahaja.

(3) Mahram Jalur Pernikahan

- 1- ibu bagi isteri walaupun ibunya keatas (nenek dan ke atas), sama ada dari jalur nasab atau radha'. Sama ada suami sempat bersetubuh dengan isteri ataupun tidak.
 - 2- *Rabibah* (anak tiri), iaitu anak perempuan isterinya apabila suami telah melakukan persetubuhan dengan ibu kepada anak tiri tersebut.
 - 3- Isteri ayah (ibu tiri), dan ke atas.
 - 4- Isteri anak lelaki (menantu perempuan) dan ke bawah.
- Perempuan-perempuan di atas adalah perempuan yang haram dikahwini untuk selama-lamanya.

(4) seorang perempuan yang haram dikahwini namun bukan untuk selamanya akan tetapi dari sudut tidak boleh dikumpulkan sahaja.

- 1- Saudara perempuan bagi isteri, seorang lelaki tidak boleh mengumpulkan - dalam perkahwinan- antara seorang perempuan dengan saudara perempuannya sekaligus, sama ada ianya saudara seayah atau seibu, atau di antara dua perempuan tersebut terdapat hubungan nasab atau radha', sekalipun saudara perempuan wanita yang dikahwini itu rela untuk dikumpulkan (dimadu).

Perempuan yang diharamkan dikumpul dalam perkahwinan

- Seorang lelaki juga tidak boleh mengumpulkan dalam satu perkahwinan antara isteri dan saudara perempuannya, antara seorang perempuan dengan emak saudara perempuan tersebut dari jalur ayah, dan antara seorang perempuan dengan emak saudara perempuan tersebut dari jalur ibu.
- jika seorang lelaki mengumpulkan antara perempuan-perempuan yang haram dikumpulkan dengan satu akad (untuk mengahwini keduanya), maka akad nikah keduanya batal, atau tidak mengumpulkan keduanya dalam satu akad akan tetapi mengahwini keduanya secara berurutan, maka akad nikah yang kedua batal jika memang diketahui secara pasti perempuan yang diakad terlebih dahulu. jika tidak diketahui, maka akad nikah keduanya menjadi batal.
- Dua perempuan yang haram dikumpulkan dalam satu perkahwinan, maka juga haram dikumpulkan di dalam persetubuhan dengan *milku yamin* (kepemilikan hamba). Begitu juga haram jika salah satunya menjadi isteri dan yang lainnya dimiliki sebagai hamba.

(۳) أربعة بالمصاهرة وهن:

- ۱- أم الزوجة وإن علت أمها سواء من نسب أو رضاع، سواء حصل دخول الزوج بالزوجة أم لا،
 - ۲- الربيبة وهي بنت الزوجة إذا دخل بالأم،
 - ۳- وزوجة الأب وإن علا
 - ۴- وزوجة الابن وإن سفل.
- المحرمات السابقة حرمتها على التأييد.

(۴) واحدة حرمتها لا على التأييد، بل من جهة الجمع فقط

- ۱- أخت الزوجة، فلا يجمع بينها وبين أختها من أب أو أم أو بينهما نسب أو رضاع ولو رضيت أختها بالجمع.

من يحرم الجمع بينهن:

- يحرم على الرجل أن يجمع في عصمته بين الزوجة وأختها، وبين المرأة وعمتها، وبين المرأة وخالتها،
- فإن جمع الشخص بين من حرم الجمع بينهما بعقد واحد بطل نكاحهما أو عقد بينهما مرتبا فالثاني هو الباطل إن علمت السابقة فإن جهلت بطل نكاحهما .
- من حرم جمعهما بنكاح، حرم جمعهما أيضا في الوطاء بملك اليمين وكذا لو كانت إحداهما زوجة والأخرى مملوكة.

Kecacatan perkahwinan yang menetapkan hak *khiyar* (membuat pilihan) di dalam nikah

Sabit hak khiar (pilihan untuk membatalkan perkahwinan) bagi kedua-dua pasangan suami isteri dalam perkahwinan dengan adanya salah satu daripada 5 kecacatan ini:

Suami membuat keputusan pada isteri dengan membatalkan perkahwinannya kerana ada hak pilihan baginya – disebabkan ada:

1. Penyakit gila, sama ada penyakit gilanya terus menerus atau terputus, sebelum diubati ataupun tidak.
2. Penyakit kusta adalah penyakit yang menyebabkan anggota badan menjadi merah, kemudian hitam, kemudian terputus-putus dan merebak.
3. Penyakit sopak adalah warna putih pada kulit yang boleh menghilangkan darah yang terdapat pada kulit dan daging yang berada di bawahnya.
 - Tidak termasuk kategori Sopak ialah panau, iaitu penyakit yang merubah warna kulit namun tidak sampai menghilangkan darahnya, maka tidak ada hak *khiyar* sebab panau.
4. *Rataq* adalah tersumbatnya tempat jima' sebab tumbuhnya daging di bagian tersebut.
5. *Qarn* adalah tersumbatnya bagian tempat jima' sebab tulang yang tumbuh di bagian tersebut.
 - Hal-hal selain aib-aib ini seperti bau mulut dan bau badan, maka tidak bisa menetapkan hak *khiyar* untuk merusah nikah.

Kecacatan pada Suami disebabkan:

1. Penyakit gila
2. Penyakit kusta
3. Penyakit sopak
4. *Jabb* adalah terputusnya penis seluruhnya atau sebagian saja dan bahagian yang terpotong itu tidak sampai ukuran *hasyafah*. Jika bahagian yang terpotong itu sampai ukuran *hasyafah* atau lebih, maka tidak ada hak *khiyar*.
5. '*Unnah* adalah ketidakmampuan suami untuk melakukan jima' di bagian faraj isterinya kerana kekuatan kelakiannya hilang sebab lemahnya syahwat di dalam hatinya atau lemah alat sulitnya..

- Adanya hak khiar kerana kecacatan tersebut dengan syarat ianya perlu dilapor pada hakim.

- Bagi pasangan suami isteri tidak boleh melakukan *fasakh* nikah sebab kecacatan tersebut dengan dasar saling rela mengikut pendapat al mu'tamad.

- Disyaratkan bersegera kerana khiar (pilihan) ini adalah khiar kecacatan, maka ia perlu dilakukan segera seperti dalam perkara jual beli.

عيوب النكاح المثبتة للخيار فيه

• يثبت الخيار لكل من الزوجين في النكاح بأحد أمور خمسة:

• فيرد الزوج الزوجة بفسخ نكاحها لثبوت الخيار له:

١- بالجنون سواء أطبق أو تقطع قبل العلاج أو لا.

٢- بالجدام وهو علة يحمر منها العضو ثم يسود ثم يسود ثم يتقطع ثم يتناثر.

٣- بالبرص وهو بياض في الجلد يذهب دم الجلد هو ما تحته من اللحم

- فيخرج البهق وهو ما يتغير الجلد من غير ذهاب دمه فلا يثبت به الخيار.

٤- بالرتق هو انسداد محل الجماع بلحم.

٥- بالقرن: وهو انسداد محل الجماع.

- وما عدا هذه العيوب كالبخر والصنان لا يثبت به الخيار.

• يرد الزوج:

١- بالجنون

٢- الجدام

٣- البرص

٤- بالجلب وهو قطع الذكر كله أو بعضه والباقي منه دون الحشفة فإن بقي قدرها

فأكثر فلا خيار.

٥- بالعنة: وهي عجز الزوج عن الوط في القبل لسقوط القوة الناشئة بضعف في

قلبه أو آله.

• يشترط في الرد بالعيوب المذكورة الرفع فيها إلى القاضي

ولا ينفرد فيها الزوجين بالتراضي ولا ينفرد فيها الزوجان بالتراضي بالفسخ على المعتمد

كما يشترط أيضا الفورية لأن الخيار بها خيار عيب وهو علي الفور كما في البيع.

MASKAHWIN

Maskahwin dari sudut **bahasa**: kata nama bagi perkara yang menjadi wajib disebabkan perkahwinan.

Dari sudut **syarak**: kata nama bagi harta yang diwajibkan ke atas seorang lelaki untuk diberikan kepada seorang wanita disebabkan perkahwinan, melakukan persetubuhan, kematian atau mendapatkan kemaluan dengan cara paksa.

Hukum menyebut maskahwin dalam akad nikah:

- Sunat menyebut maskahwin dalam akad nikah, sekalipun pada perkahwinan hamba lelaki bagi seseorang itu dengan hamba perempuannya.
- Memadai menyebut sesuatu yang bernilai.
- Disunatkan agar maskahwin itu tidak kurang dari 10 dirham dan tidak melebihi 500 dirham.
- Sekiranya seseorang itu tidak menyebutkan mahar (maskahwin) dalam akad nikah, maka akad tersebut sah. Ini adalah erti memberi keizinan, kadangkala ianya keluar dari pihak isteri yang cukup umur dan matang, yang berkata kepada walinya:
"Kahwinkan saya tanpa mahar atau tanpa mahar untuk saya."
- Begitu juga, jika tuan kepada hamba perempuan berkata kepada seseorang: "Aku kahwinkan kamu adalah hambaku" dan dia menafikan mas kahwin atau berdiam diri.

Apabila sah tafwidh (memberi keizinan berkahwin tanpa maskahwin), maka maskahwin itu menjadi wajib dengan tiga perkara:

1. suami menentukan sendiri nilai maskahwin itu dan isteri menerimanya.
2. Hakim menentukan nilai maskahwin itu kepada suami dan maskahwin yang dikenakan adalah mahar mithil (Mahar yang ditentukan kadarnya mengikut kadar saudara-saudara pihak isteri).
3. Hakim itu disyaratkan mengetahui kadarnya, sama ada **dipersetujui** oleh kedua pasangan **suami isteri** atau **suami menyetubuhi isteri** yang memberi keizinan berkahwin tanpa maskahwin sebelum suami atau hakim menentukan nilai maskahwinnya. maka isteri itu wajib mendapat maskahwin setimpal yang paling banyak setimpal dengan sebab persetubuhan itu. Maskahwin ini dikira sebagai mahar yang lebih banyak dari mahar mithil, bermula dari akad nikah hingga berlaku persetubuhan mengikut *pendapat yang al Asah*.

الصدّاق

الصدّاق لغة: اسم لما وجب بالنكاح

وشرعا: اسم لمال واجب على الرجل للمرأة بنكاح أو وطء أو موت أو تفويت بضع قهرا

حكم تسميته في العقد :

- يستحب تسمية المهر في العقد النكاح ولو في نكاح عبد السيد أمته.
- ويكفي تسمية أي شيء كان متمولا.
- يسن عدم النقص عن عشر دراهم وعدم الزيادة على خمسمائة درهم خالصة.
- وإذا لم يسم في عقد النكاح مهرا صح العقد، وهذا معنى التفويض ويصدر تارة من الزوجة البالغة الرشيدة بقولها لوليها: "زوّجني بلا مهر أو على ألا مهر لي فيزوجها الولي وينفي المهر أو يسكت عنه
- وكذا لو قال سيد الأمة لشخص: "زوجتك أمي" ونفى المهر أو سكت.

وإذا صح التفويض وجب المهر فيه بثلاثة أشياء:

١. أن يفرضه الزوج على نفسه وترضى به الزوجة.
٢. أن يفرضه الحاكم على الزوج ويكون المفروض عليه مهر المثل
٣. ويشترط علم القاضي بقدره أما رضا الزوجين أو يدخل الزوج بالزوجة المفوضة قبل فرض من الزوج أو الحاكم فيجب لها مهر المثل بنفس الدخول ويعتبر هذا المهر باكثر مهر مثل من العقد إلى الوطئ في الأصح

- Sekiranya salah seorang daripada pasangan itu meninggal dunia sebelum ditentukan kadar maskahwin dan melakukan persetubuhan, maka wajib mendapat maskahwin yang setimpal mengikut pendapat al Azhar. Mahar mithil ialah kadar yang biasanya mengikut kadar saudara-saudara pihak isteri

Maskahwin yang paling rendah dan paling tinggi:

- Maskahwin yang paling sedikit tiada had tertentu, begitu juga Maskahwin yang paling banyak, tetapi penanda nilai tersebut ialah setiap perkara yang boleh dijadikan nilai sama ada berbentuk benda atau manfaat itu adalah sah untuk dijadikannya sebagai maskahwin.

Menjadikannya sebagai manfaat:

- Wali boleh menikahkan (anak perempuannya) dengan seseorang dengan mahar berupa manfaat yang jelas seperti mengajarnya Al-Quran atau menjahit pakaian dan lain-lain daripada perkara yang dibenarkan untuk disewa.
- Gugur sebahagian dari mahar disebabkan perceraian sebelum berlaku persetubuhan.
- Manakala perceraian yang berlaku selepas persetubuhan walaupun sekali maka wajib diserahkan seluruh mahar itu, sekalipun persetubuhan itu dalam keadaan haram seperti suami menyetubuhi isterinya ketika ia berihram atau isterinya dalam keadaan haid.
- Wajib diserahkan seluruh mahar itu kerana kematian salah seorang pasangan, bukannya kerana suami menjauhkan diri (meninggalkan) isterinya – mengikut pendapat Jadid (pendapat imam Syafie di Mesir).
- Sekiranya perempuan yang merdeka membunuh dirinya sebelum berlaku persetubuhan, maka maharnya akan tidak gugur.
- Sekiranya hamba perempuan membunuh dirinya atau tuannya membunuhnya sebelum berlaku persetubuhan, maka maharnya akan gugur.

1- Al-Azhar (الأظهر) : Iaitu pandangan yang lebih kuat daripada dua atau lebih pandangan yang mempunyai dalil yang kuat, yang datangnya Imam Syafie.

2- al-Asah (الأصح) : Iaitu hukum fiqh (pandangan) yang lebih kuat dalam Mazhab Syafie di antara pelbagai pandangan dari pelbagai ulamak dalam Mazhab Syafie, yang mana semua pandangan mempunyai dalil yang kuat.

- وإن مات أحد الزوجين قبل فرض ووطء وجب مهر المثل في الأظهر والمراد بمهر المثل قدر ما يرغب به في مثلها عادة.

أقل الصداق وأكثره:

- وليس لأقل الصداق حد معين في القلة ولا لأكثره حد معين في الكثرة بل الضابط في ذلك أن كل شيء صح جعله ثمنا من عين أو منفعة صح جعله صداقا.

جعله منفعة :

- ويجوز أن يتزوجها على منفعة معلومة للمتعاقدین كتعليمها القرآن أو كخياطة ثوب وغير ذلك مما يجوز الاستئجار له.
- ويسقط بالطلاق قبل الدخول نصف المهر.
- أما بعد الدخول ولو مرة فيجب كل المهر ولو كان الدخول حراما كوطء الزوج زوجته حال إحرامه أو حيضها.
- ويجب كل المهر بموت أحد الزوجين لا بخلو الزوج بها في الجديد.
- وإذا قتلت الحرة نفسها قبل الدخول بها لا يسقط مهرها.
- ولو قتلت الأمة نفسها أو قتلها سيدها قبل الدخول فإنه يسقط مهرها.

KENDURI KAHWIN

Maksudnya ialah:

- Makanan yang disediakan untuk majlis perkahwinan.
- Imam Al-Shafi'i berkata: *Walimah* digunakan untuk setiap jemputan bagi acara yang mengembirakan.

Hukumnya:

- **Sunat muakkad** kerana ianya sabit dari Nab saw sama ada melalui kata-kata¹⁹ atau perbuatan baginda²⁰.
- Jamuan yang paling sedikit bagi orang yang mampu adalah seekor kambing dan bagi orang yang kurang mampu maka menurut kemampuannya.

Jenis kenduri:

- **Banyak jenis**, ianya dijelaskan dalam kitab yang lebih besar.

Hukum memenuhi undangan kenduri perkahwinan:

- Memenuhi undangan kenduri kahwin adalah wajib mengikut pendapat al Asah dan tidak wajib makan pada majlis tersebut mengikut pendapat al Asah.
- Manakala memenuhi undangan bagi bukan majlis kenduri kahwin, tidaklah wajib bahkan sunat.

¹⁹ Abdul Rahman bin Auf telah berkahwin, lalu nabi saw berkata kepadanya:
"Hendaklah kamu melakukan majlis perkahwinan sekalipun dengan seekor kambing".

²⁰ Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari:
"Bahawa suatu ketika Rasulullah (saw) mengadakan majlis pernikahan untuk sebahagian isterinya dengan menggunakan dua cupak gandum (barli). Kemudian, dalam kesempatan lain, baginda (saw) mengadakan majlis pernikahan isterinya yang bernama Safiyah berupa kurma, mentega dan susu yang dibekukan"

الوليمة

المراد بها:

- طعام يتخذ للعرس،
- وقال الشافعي: تصدق الوليمة على كل دعوة لحادث سرور

حكمها:

- سنة مؤكدة لثبوتها عن النبي ﷺ قولاً^{١٧} وفعلاً^{١٨}
- وأقلها للمكتر شاة وللمقل ما تيسر.

أنواعها:

- كثيرة مذكورة في كتب المطولات.

حكم الإجابة إلى وليمة العرس:

- الإجابة إلى وليمة العرس فرض عين في الأصح ولا يجب الأكل منها في الأصح.
- أما الإجابة لغير وليمة العرس فليست فرض عين بل سنة.

^{١٧} قال لعبد الرحمن بن عوف وقد تزوج " أولم ولو بشاة ".
^{١٨} في البخاري أنه ﷺ " أولم على بعض نسائه بمدين من شعير " ، وأنه " أولم على صفية تمر وسمن وأقط "

Sebaliknya, wajib memenuhi undangan ke majlis perkahwinan dan harus menjadi sunat untuk majlis lain dengan syarat berikut:

- (1) Tuan rumah tidak hanya menjemput/mengundang orang kaya untuk undangan, tetapi menjemput orang kaya dan orang miskin.
- (2) Mereka diundang pada hari pertama, sekiranya majlis tersebut berlangsung selama tiga hari. Tidak wajib memenuhi undangan pada hari kedua, bahkan ianya sunat dan makruh memenuhi undangan pada hari ketiga.
- (3) Orang yang mengundang itu adalah seorang Muslim.
- (4) Orang yang dijemput juga seorang muslim.
- (5) Orang yang mengundang itu bukanlah seorang fasik atau zalim.
- (6) Di majlis tersebut tidak ada orang yang menyakiti orang yang diundang atau tempat yang disediakan tidak sesuai dengan kedudukannya.
- (7) Orang yang mengundang itu adalah seorang yang bebas dalam berurusan.
- (8) Orang yang mengundang itu menentukan sendiri jemputannya.
- (9) Orang yang diundang dan yang mengundang bukanlah perempuan.

- وإنما تجب إجابة الدعوة لوليمة العرس وتسن لغيرها بشروط:

- (١) ألا يخص الداعي الأغنياء بالدعوة بل يدعوهم والفقراء.
- (٢) أن يدعوهم في اليوم الأول فإن أولم ثلاثة أيام لم تجب الإجابة في اليوم الثاني بل تستحب وتكره الإجابة في اليوم الثالث.
- (٣) أن يكون الداعي مسلماً.
- (٤) أن يكون المدعو كذلك.
- (٥) ألا يكون الداعي فاسقاً أو ظالماً.
- (٦) ألا يكون هناك من يتأذى به المدعو أو لا تليق به مجالسته.
- (٧) أن يكون الداعي مطلق التصرف.
- (٨) أن يعين الداعي المدعو بنفسه.
- (٩) ألا يكون الداعي والمدعو امرأة.

PEMBAHAGIAN GILIRAN (UNTUK ISTERI) DAN ISTERI YANG DERHAKA

Pengertiannya:

- **Pembahagian** adalah kata terbitan daripada perkataan “saya membahagikan sesuatu.
- **Maksudnya dari sudut** syarak adalah berlaku adil antara isteri-isteri dari sudut bermalam bersama mereka.

Isteri Yang Derhaka:

- Nusuz ialah tidak taat secara umumnya atau dari pihak isteri atau dari pihak suami atau dari kedua-duanya.
- Pembahagian giliran dari pihak suami dan nusuz itu dari pihak isteri.
- Erti nusuz isteri ialah tidak menunaikan hak yang wajib dilakukannya.
- Apabila seseorang itu mempunyai dua isteri atau lebih, maka ia tidak wajib membahagikan giliran di antara kedua isterinya atau beberapa isterinya dari awal, walaupun ia meninggalkan isteri-isterinya atau seorang isterinya, tidak bermalam bersama mereka atau seorang dari mereka, maka ia tidak berdosa tetapi disunatkan supaya tidak mengabaikan mereka atau seorang dari mereka untuk bermalam bersama mereka atau seorang dari mereka.
- Sekurang-kurang giliran untuk seorang isteri itu bagi setiap 4 malam ada satu malam untuknya.

القسم والنشوز

تعريفه:

- القسم مصدر قسمت الشيء،
- والمراد به شرعا: العدل بين الزوجات في المبيت عندهن.

النشوز:

- هو الخروج عن الطاعة مطلقا أو من الزوجة أو من الزوج أو منهما.
- القسم من جهة الزوج والنشوز من جهة الزوجة،
- ومعنى نشوزها ارتفاعها عن أداء الحق الواجب عليها.
- وإذا كان في عصمة شخص زوجتان فأكثر لا يجب عليه القسم بينهما أو بينهما ابتداء حتى لو أعرض عنهن أو عن الواحدة لم يبت عندهن أو عندها لم يأنم لكن يستحب ألا يعظلهن أو يعظلهما عن المبيت بأن يبيت عندهن أو عندها
- وأدنى درجات الواحدة ألا يخليها كل أربع ليال عن ليلة.

Hukum menyamakan pembahagian giliran antara isteri-isteri:

- Membahagikan waktu secara adil dan sama rata antara isteri-isteri adalah wajib
- Pembahagian yang sama rata ini Kadang kala dikira pada tempat dan pada masa.
 - o Dari sudut tempat, haram menghimpunkan dua isteri atau lebih bersama di satu kediaman kecuali dengan persetujuan mereka.
 - o Dari sudut masa, orang yang tidak bekerja di waktu malam (bekerja waktu siang), maka asas giliran bagi dirinya adalah waktu malam dan siang hari itu mengiringi waktu malam tersebut. orang yang bekerja di waktu malam, maka asas giliran bagi dirinya adalah waktu siang dan malam hari itu mengiringi waktu siang tersebut
- Suami tidak boleh memasuki rumah isteri yang bukan masa gilirannya tanpa sebarang keperluan. Sekiranya ada keperluan itu seperti melakukan ibadah dan seumpamanya, maka dia tidak dihalang masuk.
- Jika suami menyetubuhi isteri yang bukan masa gilirannya maka ia perlu ganti masa berlaku persetubuhan itu tetapi bukan perbuatan persetubuhan itu keculilah masanya singkat maka tidak perlu diganti.
- Jika seseorang yang mempunyai beberapa isteri ingin bermusafir yang harus, maka ia boleh melakukan undi di antara isteri-isterinya dan bermusafir dengan isteri yang terpilih. Suami yang bermusafir itu tidak perlu mengganti tempoh perjalanan pergininya untuk isteri-isteri yang ditinggalkan.
- Jika ia sampai di tempat tujuan dan muqim di sana, dengan cara ia niat bermuqim yang akan merubah status musafirnya (di awal permusafirannya), ketika sampai di tempat tujuan atau sebelum sampai, maka ia wajib menggantikan tempoh muqimnya, jika isteri yang menyertainya dalam perjalanan juga muqim bersamanya. Jika tidak demikian, maka tidak wajib menggantikannya.
- Tempoh waktu perjalanan pulang setelah ia bermukimnya, suami tidak wajib menggantikannya
- Suami perlu bermalam bersama isteri barunya selama tujuh malam berturut-turut, jika isteri barunya itu dara, dan tiga malam berturut-turut, jika isteri barunya itu janda serta tidak wajib menggantikannya untuk isteri-isteri yang lain.

حكم التسوية في القسم بين الزوجات:

- التسوية في القسم بين الزوجات واجبة،
- وتعتبر التسوية بالمكان تارة وبالزمان أخرى.
- o أما المكان فيحرم الجمع بين الزوجتين فأكثر في مسكن واحد إلا بالرضا،
- o وأما الزمان فمن لم يكن عمله ليلا مثلا فعماد القسم في حقه الليل والنهار تابع، ومن كان عمله ليلا فعماد القسم في حقه النهار والليل تابع له.
- ولا يدخل الزوج في الزمن التابع على غير المقسوم لها لغير حاجة. فإن كان الحاجة كعبادة ونحوها لم يمنع من الدخول
- وحينئذ إن طال مكثه قضى من نوبة المدخول عليها مثل مكثه
- فإن جامع قضى زمن الجماع لا نفس الجماع إلا أن يقصر زمنه فلا يقضيه.
- وإذا أراد من في عصمته زوجات السفر المباح أقرع بينهن وسافر بالتي تخرج لها القرعة ولا يقضي الزوج المسافر للمتخلفات مدة سفره ذهابا
- فإن وصل مقصده وصار مقيما بأن نوي إقامة مؤثرة أول سفره أو عند وصول مقصده أو قبل وصوله قضى مدة الإقامة إن ساكن المصحوبة معه في السفر وإلا لم يقض.
- أما مدة الرجوع فلا يجب على الزوج قضاؤها بعد إقامته.
- وإذا تزوج الرجل جديدة خصها حتما ولو كانت أمة وكان عند الزوج غير الجديدة وهو يبيت عندها بسبع ليال متوالية إن كانت تلك الجديدة بكرا وبثلاث ليال متوالية إن كانت ثيبا ولا يقضي للباقيات تلك الليالي.

- sekiranya suami memisah malam-malam tersebut dengan tidur satu malam bersama isteri baru, dan satu malam tidur di masjid sebagai contoh, maka semua itu tidak dikira, bahkan suami perlu memenuhi hak isteri barunya secara berturut-turut, dan menggantikan malam-malam yang telah ia pisah-pisahkan untuk isteri-isteri yang lain.

Nusuz (Isteri derhaka)

- Apabila suami menyangka isterinya berlaku **nusuz**, dengan kelihatan tanda-tanda nusuz seperti berpaling, bermasa muka, sebelumnya mesra dan manis muka, atau menjawab dengan bahasa kasar, sebelumnya bercakap lembut – maka suami perlu menasihatinya tanpa memukul dan meninggalkan tempat tidurnya, dengan kata nasihat: *“Takutlah kamu pada Allah dalam hak yang wajib bagi kamu tunaikan terhadapku. Ketahuilah sesungguhnya nusuz boleh menggugurkan kewajipan nafkah dan giliran”*.
- Mencela suami bukanlah termasuk nusuz, namun tindakan tersebut isteri perlu diajar adab oleh suami mengikut pendapat **al ashah**, dan ia tidak perlu melaporkannya pada hakim.
- Jika setelah dinasihati ia tetap nusuz, maka suami perlu meninggalkannya di tempat tidurnya tanpa menyetubuhinya. Tidak bercakap dengannya adalah haram sekiranya lebih 3 hari tanpa ada keuzuran syarak. Jika tidak demikian, maka hukumnya tidak haram lebih dari tiga hari.
- Jika isteri tetap juga nusuz dengan berulang kali melakukannya, maka suami berhak tidak menyapa dan memukulnya dengan pukulan mendidik pada isterinya.
- Jika pukulan tersebut menyebabkan kerusakan / kecacatan, maka suami wajib membayar ganti rugi.

Perkara yang gugur disebabkan nusuz

- Nusuz menggugurkan hak giliran dan nafkah bagi isteri.

- فلو فرق الليالي بنومه ليلة عند الجديدة وليلة في المسجد مثلا لم يحسب ذلك بل يوفي الجديدة حقها متواليا ويقضي ما فرقه للباقيات.

- وإذا ظن الزوج نشوز زوجته بأن ظهرت أمارات نشوزها كإعراض وعبوس بعد لطف وطلاقة وجه وكأن تجيبه بكلام خشن بعد أن كانت تجيبه بكلام لين وعظها زوجها بلا ضرب ولا هجر لها بقوله لها: "اتق الله في الحق الواجب لي عليك واعلمي أن النشوز مسقط للنفقة والقسم"

- وليس الشتم للزوج من النشوز بل تستحق به التأديب من الزوج في الأصح ولا يرفعها إلى القاضي.

- فإن أبت بعد الوعظ إلا النشوز هجرها في مضجعه وهو فراشها فلا يضاجعها فيه وهجرانها بالكلام حرام فيما زاد على ثلاثة أيام إن كان بغير عذر شرعي وإلا فلا تحرم الزيادة على الثلاثة.

- فإن أقامت على النشوز بتكرره منها هجرها وضربها ضرب تأديب لها.

- وإن أدى ضربها إلى تلف شيء منها وجب عليه غرم مقابل ما تلف منها.

ما يسقط بالنشوز:

- يسقط بالنشوز قسمها ونفقتها.

KHULU'**Pengertian Khulu':**

- Dari sudut bahasa: Menanggalkan/melepaskan sesuatu
- Dari sudut Syara': Perkataan yang menunjukkan perpisahan (antara suami dan isteri) dengan gantirugi yang bertujuan menebus kekecewaan pihak suami
- o Tidak termasuk khulu' ialah gantian dengan darah dan sumpamanya seperti serangga.

Hukumnya:

- *Khulu'* adalah harus.

Dalilnya:

Dalil syara' sebelum disepakati oleh ulamak:

- 1- **Al Quran** : Firman Allah s.w.t:
"maka keduanya tidak berdosa atas bayaran yang (harus) diberikan (oleh isteri) untuk menebus dirinya". (al Baqarah : 299)
- 2- **Hadis** : Perintah nabi saw dalam hadis sahih kepada Thabit bin Qais ketika isterinya ingin melepaskan diri daripadanya (bercerai): "Terima kebun itu dan ceraikannya dengan satu talak".
- Beliau adalah orang pertama yang melakukan perceraian secara khulu' dalam Islam.

الخلع**تعريفه:**

- لغة: النزع
- شرعا: لفظ دال على فرقة بعوض مقصود راجع لجهة الزوج
- فخرج بمقصود الخلع على دم ونحوه كالحشرات.

حكمه:

- الخلع جائز.

دليله:

الأصل فيه قبل الإجماع :

- قوله تعالى: ﴿فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا افْتَدَتْ بِهِ﴾^{٢١}
- الأمر به في خبر الصحيحين لثابت بن قيس حين أرادت زوجته الخلاص منه: "أقبل الحديقة وطلقها تطليقة"^{٢٢}
- وهو أول خلع وقع في الإسلام.

^{٢١} آية: ٢٩٩ من سورة البقرة
^{٢٢} عن ابن عباس رضي الله تعالى عنه عند البخاري والنسائي ج ٦/ ٢٤٦: نيل الأوطار

Rukun Khulu' ada 5 perkara:

- (1) **Isteri yang memberi gantirugi**, walaupun orang asing, syaratnya adalah ia boleh menguruskan hartanya sendiri.
- (2) **Kemaluan Isteri**, syaratnya ianya milik suami secara sah. Khulu' itu sah pada *talak raj'i*, tidak pada *talak bain*.
- (3) **Benda yang dijadikan gantirugi**, syaratnya ia telah ditentukan dan diketahui bagi pihak suami serta mampu menerimanya.
- (4) **Suami**, syaratnya ia adalah orang yang sah talaknya.
- (5) **Sighah** (lafaz *khulu'*), syaratnya seperti dalam perkara jual beli tetapi tidak salahnya diselangi dengan sedikit perkataan lain. Apabila *khulu'* berlaku dengan ganti rugi yang diketahui bagi pihak suami serta mampu menerimanya, maka sahlah khulu' tersebut dan wajib dibayar ganti rugi yang ditetapkan iaitu harta yang disepakati sebagai balasan perpisahan.
 - Sekiranya *khulu'* itu yang mana ganti ruginya adalah tidak diketahui seperti *khulu'* dengan gantian pakaian yang tidak ditentukan maka ia perlu membayar dengan harga *mahar mithil*.

Catatan penting:

- *Khulu'* yang sah itu membolehkan perempuan memiliki sepenuhnya kemaluannya yang melepaskan ikatan perkahwinan dari suami dengan membayar ganti rugi.
- Suami tidak boleh *ruju'* isterinya kerana ia adalah talak bain yang menghalangnya untuk menguasai diri isterinya. Sekiranya dia menginginkannya kembali menjadi isteri setelah itu, maka perlulah melakukan akad nikah baru jika khulu' itu tidak dengan talak 3. Sekiranya khulu' itu dengan talak 3 maka tidak halal baginya sehinggalah perempuan itu berkahwin dengan orang lain.
- Khulu' dibenarkan semasa suci dan semasa haid, lanya tidak haram.
- Perempuan yang *khulu'* tidak ada kaitan dengan masalah *talak*, *zihar* dan *ila'* kerana ia telah menjadi orang asing bagi bekas suaminya berdasarkan kemaluan diganti dengan sesuatu ganti rugi.
- Berbeza dengan *talak raj'i*, maka ianya ada kaitan dengan talak selagi dalam tempoh *iddah*.

أركانها خمسة:

- (١) ملتزم للعوض، ولو أجنبيا وشرطه إطلاق تصرف مالي.
 - (٢) بضع وشرطه ملك الزوج له فيصح الخلع في الرجعية لا في البائن.
 - (٣) عوض، وشرطه كونه مقصودا معلوما راجعا لجهة الزوج مقدورا على تسلمه.
 - (٤) زوج، وشرطه كونه ممن يصح طلاقه.
 - (٥) صيغة، وشرط فيها ما مر في البيع لكن لا يضر هنا تخلل كلام يسير وإذا حصل الخلع على عوض معلوم مقصود راجع لجهة الزوج مقدور على تسليمه صح الخلع ووجب المسمى وهو المال الذي اتفقا على الفرقة عليه.
- فإن كان الخلع على عوض مجهول كأن خالع على ثوب غير معين بانت بمهر المثل.

فائدته:

- الخلع الصحيح تملك به المرأة بضعها الذي استخلصته من الزوج بالعوض.
- لا رجعة للزوج عليها لبينونتها منه المانعة من تسلطه عليها، فإن أرادها زوجة بعد ذلك فلا بد من العقد عليها من جديد إن لم يكن الخلع بالطلاق الثلاث وإلا فلا تحل له حتى تنكح زوجا غيره.
- يجوز الخلع في الطهر وفي الحيض ولا يكون حراما.
- لا يلحق المختلعة الطلاق ولا الظهار ولا الإيلاء لأنها صارت أجنبية منه باقتداء بضعها بالعوض
- بخلاف الرجعية فيلحقها الطلاق ما دامت في العدة.

PERCERAIAN

Pengertian Talak

Talak dari sudut **bahasa** : merungkaikan ikatan.

dari sudut **syara'** : Kata nama bgi melepaskan ikatan perkahwinan dengan lafaz talak dan seumpamanya.

Dalil (disyariatkan talak)

Dalil syara' sebelum disepakati oleh ulama:

1- **Al Quran** : Firman Allah s.w.t:

"Talak (yang dapat dirujuki) dua kali. setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'ruf atau menceraikan dengan cara yang baik". (al Baqarah : 229)

2- **Hadis** :Sabda nabi s.a.w: "Tidak ada perkara halal yang paling dibenci oleh Allah daripada talak".

Syarat perceraian:

- syarat berlakunya perceraian di tempat adanya taklif (orang yang mukallaf) dan pilihan sendiri
- Tidak sah Perceraian kanak-kanak, orang gila, dan orang mabuk yang tidak sengaja memabukkan dirinya.
- Orang mabuk dengan sengaja, maka sah perceraian sebagai memberatkan hukuman ke atasnya.
- Begitu juga , tidak sah perceraian orang yang dipaksa tanpa sebenar apabila menceraikan isterinya.

Jenis lafaz Talak:

Lafaz Talak ada dua jenis, Sorih dan kinayah.

(1) Sorih (Jelas): Perkataan yang tidak ada maksud lain kecuali cerai.

(2) Kinayah (kiasan): Perkataan yang boleh memberi makna cerai dan makna lainnya.

- Sekiranya suami mengucapkan perkataan talak yang sorih kemudian ia berkata: "Saya tidak niat untuk talak", maka tidak diterima kata-kata tersebut.

الطلاق

تعريفه:

- هو لغة: حل القيد
- وشرعا: اسم لحل عصمة النكاح بلفظ طلاق ونحوه.

دليله:

الأصل فيه قبل الإجماع الكتاب،

- قوله تعالى: ﴿ أَلطَّلِقُ مَرَّتَانٍ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَانٍ ۗ ۲۳ ﴾
- قوله كقوله ﷺ: "ليس شيء من الحلال أبغض إلى الله تعالى من الطلاق".^{٢٤}

شروط الطلاق:

- يشترط لوقوع الطلاق في محله التكليف والاختيار
- فلا يقع طلاق الصبي والمجنون والسكران غير المتعدي بسكره.
- أما المتعدي بسكره فيقع طلاقه عقوبة له
- كما لا يقع طلاق المكره بغير حق على طلاق زوجته.

أنواع الطلاق:

الطلاق ضربان ، صريح وكناية.

(١) الصريح : ما لا يحتمل ظاهره غير الطلاق.

(٢) الكناية : ما تحتمل غير الطلاق.

- لو تلفظ الزوج بالصريح وقال: "لم أرد به الطلاق"، لم يقبل.

^{٢٣} آية، ٢٢٩ من سورة البقرة
^{٢٤} رواه ابن عمر بلفظ "أبغض الحلال إلى الله عز وجل الطلاق" رواه أبو داود وابن ماجه ح/٦٠٠/٢٢٠ نيل الأوطار

Sorih ada tiga bentuk lafaznya:

- i. **“Talak”** dan perkataan yang terbit daripadanya seperti: “Aku talak kamu”, “kamu ditalak”, wahai perempuan yang ditalak”.
- ii. **“Cerai”** dan perkataan yang terbit daripadanya seperti: “Aku cerai kamu”, “kamu dicerai”, wahai perempuan yang dicerai”.
- iii. **“Lepas”** dan perkataan yang terbit daripadanya seperti: “Aku lepaskan kamu”, “kamu dilepaskan”, wahai perempuan yang dilepaskan”.

- **Khulu’** juga termasuk dalam lafaz sorih sekiranya ia menyebut harta, begitu juga penebusan.

- Talak sorih tidak memerlukan niat untuk melakukan perceraian, kerana tidak ada maksud lain kecuali cerai, maka tidak terhenti berlakunya perceraian pada niatnya, bahkan berlaku perceraian itu walaupun ia niat perkara yang lain.

- Dikecualikan hukum ini pada orang yang dipaksa untuk menceraikan isterinya, kerana lafaz sorihnya adalah kinayah bagi dirinya, jika ia niat cerai maka berlaku cerai itu, sekira ia tidak niatkan cerai, maka tidak berlaku cerai.

- kinayah ialah setiap perkataan yang boleh diandaikan cerai dan selainnya. Oleh itu, ia memerlukan niat untuk berlakunya perceraian. jika ia niat cerai maka berlaku cerai itu, sekira ia tidak niatkan cerai, maka tidak berlaku cerai.

- **Kinayah talak** seperti : "Kamu bebas", "kamu bersendirian", "Kamu kembalilah kepada keluarga anda" dan lain-lain yang boleh diandaikan talak atau lainnya.

ألفاظ الصريح ثلاثة:

- (١) "الطلاق" وما اشتق منه، مثل: "طَلَّقْتُكَ" و "أَنْتِ طَالِقٌ" و "يا مطلقة".
- (٢) "الفرق" وما اشتق منه، مثل: "فَارَقْتُكَ" و "أَنْتِ مَفَارِقَةٌ" و "يا مفارقة".
- (٣) "السراح" وما اشتق منه، مثل: "سَرَّحْتُكَ" و "أَنْتِ مَسْرُوحَةٌ" و "يا مسرحة".

- ومن الصريح أيضا الخلع إن ذكر المال وكذا المفاداة.

- ولا يفتقر صريح الطلاق إلى نية إيقاع الطلاق لأنه لا يحتمل غيره فلا يتوقف إيقاع الطلاق فيه على النية بل يقع الطلاق وإن نوى غيره.

- يستثنى المكره على الطلاق ، فصريحه كناية في حقه إن نوى وقع وإلا فلا.

- الكناية كل لفظ احتمل الطلاق وغيره ويفتقر وقوع الطلاق به إلى النية فإن نوى به الطلاق وقع وإلا فلا.

- وكناية الطلاق "أنت بريء" و "أنت خلية" و "ألحقي بأهلك" وغير ذلك مما يحتمل الطلاق وغيره.

Talak Sunni dan Talak Bid'i

Terdapat dua jenis wanita dalam perceraian:

(1) Jenis perempuan yang talaknya adalah sunnah dan bidaah. Mereka adalah perempuan yang mempunyai haid.

- Maksud "sunnah" adalah perceraian yang dibenarkan, dan maksud "bidaah" adalah perceraian yang dilarang.

1- Talak Sunni:

- suami menjatuhkan talak terhadap isterinya dalam keadaan suci di mana dia tidak melakukan persetubuhan dengannya atau dalam keadaan haid sebelumnya.

2- Talak Bid'i:

- suami menjatuhkan talak terhadap isterinya dalam keadaan haid atau dalam keadaan suci di mana dia melakukan persetubuhan dengannya atau dalam keadaan haid sebelumnya.

(2) Jenis perempuan yang talaknya adalah bukan sunnah dan bukan bidaah. Mereka ialah:

- 1- Kanak-kanak
- 2- Perempuan menopause iaitu perempuan yang telah putus haidnya.
- 3- perempuan hamil
- 4- perempuan bercerai secara khulu'
- 5- Perempuan yang belum disetubuhi suaminya.

Pembahagian Hukum Talak

Hukum yang berkaitan dengan talak ada lima hukum:

- 1- **Wajib**, contoh : Hakim menceraikan suami isteri yang berbalah.
- 2- **Sunat**, contoh: Suami menceraikan isteri yang tidak menjaga kehormatannya
- 3- **Makruh**, contoh: Suami menceraikan isteri yang baik (dan sedang mengandung).
- 4- **Haram**, contoh: talak bid'i²⁵
- 5- **Harus**, contoh: Suami menceraikan isteri yang diingini nafsunya dan dia tidak mahu memberi nafkahnya kepada isteri yang tidak boleh berseronok dengannya.

25

Talak bid'i : menceraikan isteri ketika haid atau ketika suci tetapi sudah disetubuhi.

الطلاق السني والبدعي

النساء في الطلاق نوعان:

(١) نوع في طلاقهن سنة وبدعة وهن ذوات الحيض والمراد بالسنة الطلاق الجائز، وبالبدعة الطلاق الحرام.

١- الطلاق السني:

أن يوقع الزوج الطلاق على زوجته في طهر لم يجامعها فيه ولا في حيض قبله.

٢- الطلاق البدعي:

أن يوقع الزوج الطلاق على زوجته في حيض أو في طهر جامعها فيه أو في حيض قبله.

(٢) نوع ليس في طلاقهن سنة ولا بدعة وهن خمس:

- ١- الصغيرة
- ٢- الأيسة وهي التي انقطع حيضها
- ٣- الحامل
- ٤- المختلعة
- ٥- التي لم يدخل بها زوجها

وينقسم الطلاق باعتبار آخر إلى :

- واجب كطلاق المولى
- مندوب كطلاق امرأة غير مستقيمة الحال سيئة الخلق
- مكروه كطلاق مستقيمة الحال
- حرام كالطلاق البدع
- مباح كطلاق من لا يهواها الزوج ولا تسمح نفسه بمؤنتها بلا استمتاع بها.

Talak yang dimiliki oleh Suami

- Suami yang merdeka sekalipun isterinya adalah hamba, ia memiliki tiga talak ke atas isterinya.
- Suami yang seorang hamba sekalipun ianya hamba muba'ad, mukatab atau mudbiran²⁶, ia memiliki dua talak ke atas isterinya sama ada merdeka atau hamba.

Orang yang tidak berlaku talaknya

- 4 golongan yang tidak berlaku talaknya:

- (1) Kanak-kanak
- (2) Orang gila, termasuk juga orang pitam.
- (3) Orang tidur.
- (4) Orang dipaksa tanpa hak, sekiranya paksaan itu secara hak maka berlaku talak.

Contohnya: Hakim memaksa suami selepas habis tempoh ila'²⁷ supaya menceraikan isterinya.

²⁶ **Mukatab** : Hamba yang diberi peluang oleh tuannya untuk mencari dan mengumpul suatu jumlah harta yang tertentu dalam tempoh tertentu untuk menebus diri mereka supaya menjadi orang yang merdeka

Muba'ad : Hamba yang separuh dari dirinya sudah merdeka

Mudabbar Hamba yang akan merdeka selepas kematian tuannya, kerana tuannya berkata kepadanya: "Jika aku mati, maka kamu merdeka".

²⁷ **Ila'** : sumpah seorang suami (yang sah talaknya) bahwa ia tidak akan menyetubuhi isterinya dengan secara mutlak (tanpa menyebut tempoh tertentu) atau dalam masa lebih dari 4 bulan

ما يملكه الزوج من الطلقات

- يملك الزوج كامل الحرية ولو كانت زوجته أمة على زوجته ثلاث تطليقات
- يملك العبد ولو مبعوضا أو مكاتبا أو مدبرا على زوجته حرة أو أمة تطليقتين.

من لا يقع طلاقه

- أربع لا يقع طلاقهم:

(١) الصبي.

(٢) المجنون، وفي معناه المغمى عليه.

(٣) النائم.

(٤) المكره بغير حق، فإن كان بحق وقع،

صورته: إكراه القاضي للمولى بعد مدة الإيلاء على الطلاق.

RUJU' (Mengembalikan Isteri Yang Telah Dicerai)

Pengertian Ruju'

Ruju' dari sudut **bahasa** : *isim marrah* daripada perkataan ruju' (kembali).

Dari sudut **syara'** : Mengembalikan isteri kepada ikatan perkahwinan daripada perceraian yang bukan talak tiga mengikut cara tertentu.

Dalil disyariatkan Ruju'

Dalil syara' sebelum disepakati oleh ulama:

1- Firman Allah s.w.t:

“dan suami-suaminya berhak merujukinya dalam masa menanti itu, jika mereka (para suami) menghendaki ishlah”.

2- Sabda nabi s.a.w: “Jibril a.s mendatangi aku dan berkata : Ruju'lah semula Hafsa kerana dia seorang yang sentiasa berpuasa dan beribadat. dia merupakan isteri kamu di syurga nanti”.

Rukun Ruju'

Rukun ruju' ada **tiga** perkara:

- 1- Orang yang meruju' isterinya iaitu suami atau wakil kepada suami atau wali.
- 2- Orang yang diruju' iaitu isteri
- 3- lafaz ruju'

Waktu (untuk melakukan) Ruju':

Apabila seseorang itu menceraikan isterinya dengan satu atau dua talak, jika dia seorang merdeka, maka boleh meruju' isterinya - tanpa izinnya – selagi tidak berakhir tempoh iddahnya.

الرجعة

تعريفها:

لغة: المرة من الرجوع

وشرعا: رد الزوج أو من يقوم مقامه المرأة إلى النكاح الكامل في عدة طلاق غير بائن على وجه مخصوص.

دليلها:

الأصل فيها قبل الإجماع

- قوله تعالى: ﴿وَيُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا﴾^{٢٨}

قوله صلى الله عليه وسلم : أتاني جبريل، فقال: راجع حفصة فإنها صوامة وإنها زوجتك في الجنة.^{٢٩}

أركانها ثلاثة:

(١) مُرْتَجِعٌ، وهو الزوج أو من يقوم مقامه من وكيل أو ولي.

(٢) مَحِلٌّ وهو الزوجة

(٣) صبيغة

وقت الرجعة:

- إذا طلق شخص امرأته طليقة واحدة أو طليقتين إن كان حرا فله بغير إذنها - مراجعتها ما لم تنقض عدتها.

^{٢٨} آية: ٢٢٨ من سورة البقرة

^{٢٩} خبر عمر رضي الله تعالى عنه: رواه أبو داود والنسائي وابن ماجه، هو لأحمد من حديث عاصم بن عمر ج٦/٢١٩ نيل الأوطار

Sighah ini ada dua bentuk: **Sighah Sorih dan Kinayah**

Perkataan yang terhasilnya ruju' apabila dituturkan oleh suami terbahagi kepada dua : Sorih dan kinayah.

1- Sorih (jelas):

Perkataan yang tidak boleh diandaikan selain mengembalikan isteri kepada ikatan perkahwinan.

i) seperti suami berkata: "Aku ruju' kamu", "Aku mengembalikan kamu (kepada ikatan perkahwinan)" atau "kamu diruju' kembali".

ii) perkataan yang mempunyai maksud tersebut seperti "Aku kembalikan kamu kepada ikatan perkahwinanku" atau "Aku pegang" – mengikut pendapat al mu'tamad³⁰ tentang kedua-duanya.

2- Kinayah (kiasan):

Perkataan yang boleh diandaikan sebagai ruju' atau perkara lain seperti "Aku kembalikan kamu", kerana ianya boleh diandaikan sebagai mengembalikan kepada ikatan perkahwinan dan mengembalikan kepada keluarganya. Begitu juga perkataan: "Aku kahwini kamu" atau "Aku nikahi kamu" mengikut pendapat al Asoh tentang kedua-duanya dan ianya memerlukan niat mengembalikan kepada ikatan perkahwinan.

- Ruju' daripada orang bisu, ianya terhasil dengan isyarat yang boleh difahami, kerana isyarat tersebut adalah seperti bertutur bagi orang bisu.

Syarat orang yang merujuk

- Syarat orang yang merujuk mempunyai keahlian nikah pada dirinya sendiri kecuali orang yang berihram, maka sah rujuk orang mabuk.
- Tidak sah rujuk orang murtad, kanak-kanak dan orang gila kerana mereka tidak ada keahlian nikah pada dirinya sendiri.
- Berbeza orang bodoh dan hamba, ruju' kedua-duanya adalah sah tanpa keizinan wali dan tuannya sekalipun pada awal perkahwinan kedua-duanya berdasarkan keizinan wali dan tunnya.

الصريح منها والكناية:

- الألفاظ التي تحصل بها الرجعة من الناطق تنقسم إلى صريح وكناية.

(١) **الصريح** : ما لا يمتثل غير رد المرأة إلى النكاح الكامل

ك "راجعتك" و "ارتجعتك" و "أنت مراجعة" وكذا "رددتك لنكاحي" و "أمسكتك" على المعتمد فيهما.

(٢) **الكناية** : ما يمتثل الرجعة وغيرها ك "رددتك" فإنه يمتثل الرد إلى النكاح والرد إلى

أهلها وكذا "تزوجتك" و "نكحتك" على الأصح فيهما فيحتاج إلى نية الرد إلى النكاح.

- أما الرجعة من الأخرس فتحصل بإشارته المفهومة لأنها كالنطق في حقه.

شرط المرتجع

- شرط المرتجع أهلية النكاح بنفسه إلا المحرم فتصح رجعة السكران
- لا رجعة المرتد ولا رجعة الصبي والمجنون لأن كلا منهم ليس أهلا للنكاح بنفسه
- بخلاف السفية والعبد فرجعتهما صحيحة من غير إذن الولي والسيد وإن توقف ابتداء نكاحهما على إذن الولي والسيد.

³⁰ al mu'tamad : pendapat yang rajih yang mana ia menjadi pegangan fatwa dalam mazhab syafie.

Hukum ruju' apabila waktunya telah habis:

- Apabila seseorang menceraikan isterinya secara talak raj'i, harus baginya ruju' isterinya selama mana isterinya masih dalam tempoh iddah.
- Apabila tempoh iddahnya telah berakhir, suami tidak boleh ruju' isterinya, tetapi boleh menikahinya dengan akad baru dan dia mempunyai baki bilangan talak terdahulu selepas akad nikah yang baru itu.
 - o Sekiranya dia telah menceraikan isterinya dengan satu talak, maka berbaki baginya dua talak lagi.
 - o Sekiranya telah menceraikan isterinya dengan dua talak, maka berbaki baginya satu talak lagi, sama ada isterinya telah berkahwin dengan orang lain sebelum itu atau tidak.

Hukum Talak Tiga

- Apabila suami menceraikan isterinya dengan talak tiga³¹ sekiranya ianya merdeka atau talak dua sekiranya ianya hamba sama ada sebelum atau selepas menyetubuhinya – maka perempuan itu tidak halal baginya kecuali selepas ada lima syarat:

- 1) Habis 'idahnya daripada suami yang menceraikannya.
- 2) Perempuan itu dikahwini oleh lelaki lain dengan perkahwinan yang sah.
- 3) Lelaki itu menyetubuhinya dengan memasukkan hasyafah (kepala zakar) atau kadarnya pada kemaluan perempuan bukan pada dudurnya dengan syarat zakarnya tegang dan orang yang memasukan zakar itu adalah orang yang boleh jimak, bukannya budak.
- 4) Berceraikan dengan suami keduanya.
- 5) Habis 'idah perempuan itu daripada suami keduanya.

حكم الرجعة إذا انقضى زمنها:

- إذا طلق الرجل زوجته طلاقاً رجعيّاً كان له مراجعتها ما دامت في العدة.
- أما إذا انقضت عدتها لم يكن له مراجعتها وإنما يجوز له نكاحها بعقد جديد وتكون معه بعد العقد على ما بقي من عدد الطلاق السابق على ذلك العقد
 - o فإن كان طلقها طليقة بقي له عليها طليقتان
 - o إن كان طلقها طليقتين بقيت له طليقة سواء تزوجت غيره قبل ذلك أم لا.

- أما إذا طلق زوجته ثلاثاً إن كان حراً أو طليقتين إن كان عبداً قبل الدخول أو بعده لم تحل له إلا بعد وجود خمس شرائط:

(١) انقضاء عدتها من المطلق.

(٢) تزويجها بغيره تزويجاً صحيحاً.

(٣) دخول الغير بها مع إصابتها بأن يولج حشفته أو قدرها من مقطوعها بقبل المرأة لا بدبرها بشرط انتصاب الذكر وكون الموجب ممن يمكن جماعه لا طفلاً.

(٤) بينونتها من الغير.

(٥) انقضاء عدتها منه.

³¹ Talak tiga - secara serentak atau satu demi satu